


Jilid IV
Bil. 6



Hari Isnin
20hb Mei, 1974

MALAYSIA

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 447]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) [Ruangan 479]

**Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Carum dan Pembayaran Balik
Stok Penimbal Timah) [Ruangan 495]**

Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan [Ruangan 502]

MALAYSIA
PARLIMEN YANG KETIGA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEEMPAT

Hari Isnin, 20hb Mei, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N. (Dilantik).
- .. Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- .. Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- .. TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.J. (Johor).
- .. TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- .. DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- .. TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- .. TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- .. TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- .. TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- .. DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- .. DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- .. TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- .. DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- .. PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. AWANG DAUD BIN MATUSIN (Dilantik).
- .. DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- .. TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- .. DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- .. DATUK WAN IBRAHIM BIN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- .. TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- .. TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- .. TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Dilantik).
- .. TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
- .. TUAN LEW SIP HON (Dilantik).
- .. DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- .. DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- .. TUAN G. LOUIS, J.P. (Dilantik).
- .. DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- .. TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- .. DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- .. DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- .. TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- .. TUAN OOI ENG HONG (Kedah).
- .. TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- .. TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- .. DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- .. WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- .. TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- .. TUAN YEAP KHENG YAM, P.J.K. (Perak).
- .. TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIDAK HADIR :

- Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).
- .. TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI A. HAMID (Dilantik).
- .. DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMED, P.C.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).

„ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kedah).

„ DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).

„ DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG,
P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI,
P.N.B.S. (Bandar Kuching).

„ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT,
D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara, Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*
kan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PEPERIKSAAN M.C.E.

1. **Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) samada Kementerian ini bercadang untuk menimbang semula mengadakan peperiksaan bersama MCE/SC supaya membolehkan penuntut-penuntut yang gagal dalam MCE oleh kerana gagal dalam Bahasa Malaysia, lulus dalam peperiksaan SC sebagai ganti;
- (ii) peratus kegagalan dalam peperiksaan MCE dalam tahun 1973 dan peratus kegagalan dalam peperiksaan MCE kerana gagal dalam Bahasa Malaysia walaupun penuntut-penuntut tersebut mendapat keputusan yang baik dalam matapelajaran-matapelajaran lain;
- (iii) samada bakal Persatuan Ibubapa Guru-guru akan mengambil-alih tugas-tugas dari Lembaga-lembaga Pengurus Sekolah-sekolah di seluruh negara, dan jika tidak, adakah praktik untuk menubuhkan Persatuan Ibubapa Guru-guru itu.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Tidak.
- (ii) Peratus kegagalan dalam peperiksaan MCE dalam tahun 1973 ialah 41.2% dan peratus kegagalan dalam peperiksaan itu kerana gagal dalam Bahasa Malaysia ialah 22.8%.
- (iii) Tidak. Adalah praktik kerana tanggungjawab Lembaga Pengurus Sekolah-sekolah adalah berlainan dengan tanggungjawab Persatuan Ibubapa Guru-guru. Umpamanya, setengah daripada Lembaga Pengurus Sekolah masih lagi menjadi majikan (employer) kepada guru-guru yang tidak masuk ke dalam Perkhidmatan Pelajaran atau Lembaga Pusat. Selain daripada itu setengah daripada Lembaga Pengurus Sekolah masih lagi menguruskan soal-soal berkaitan dengan kewangan di sekolah-sekolah.

Tugas-tugas ini adalah di luar daripada tugas-tugas Persatuan Ibubapa Guru-guru.

JALANRAYA UTARA-SELATAN

2. **Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk membina sebatang Jalanraya Utara-Selatan sama seperti dengan jalanraya Kuala Lumpur-Kelang untuk mengurangkan bilangan kemalangan-kemalangan jalanraya yang sangat tinggi pada masa sekarang, dan jika ya, bilakah kerja ke atas jalanraya tersebut akan dimulakan.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada rancangan bagi membina Jalanraya Utara-Selatan sama seperti Jalanraya Kuala Lumpur-Kelang oleh kerana dari segi ekonomi dan kadar banyaknya lalulintas belum nampak kepentingan bagi mengadakan jalanraya seperti itu. Walau bagaimanapun, kerja-kerja adalah dijalankan dari semasa ke semasa untuk membaiki bahagian-bahagian tertentu Jalanraya Utara-Selatan ke peringkat standard yang diperlukan oleh lalulintas.

SETESYEN KERETAPI JOHOR BAHRU

3. **Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk membina bangunan baru bagi Stesyen Keretapi Johor Bahru.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Wong Seng Chow): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada mempunyai sebarang rancangan untuk membina bangunan baharu bagi stesyen keretapi di Johor Bahru.

SENJATAPI—PENYELUDUPAN

4. **Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandang kepada besarnya bilangan senjatapi-senjatapi diseludupkan ke Malaysia melalui sempadan Malaysia/Negeri Thai, samada Kerajaan bercadang untuk mengarah pihak Tentera mengendalikan kegiatan-kegiatan penyeludupan senjata di sempadan.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, pengawasan di kawasan Sempadan mengendalikan kegiatan penyeludupan senjataapi mengikut peraturan adalah tanggungjawab pihak Kastam dan Polis dan tidak ada sebab pada masa sekarang yang mementingkan perubahan dalam peraturan yang ada ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah: "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (17hb Mei, 1974).

Perbahasan disambung semula.

2.40 ptg.

Tan Sri S. O. K. Ubaidulla: Tuan Yang di-Pertua, dalam bahagian Jadual 7 dari Cukai Jualan hendak memperbaharui: "Seksyen 43 adalah dengan ini dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "jika perbuatan atau hal tidak melakukan perbuatan itu disebabkan oleh apa-apa tipuan atau kecuiaan yang sengaja"

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini boleh jadi membawa beberapa kesukaran kepada kaum pedagang.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebutkan beberapa perkataan yang sulit di dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Sir, it seems to me that the effect of the proposed deletion is to make mere inadvertence a criminal offence. For example, the payment of a lesser amount of tax than is due under the Act as a result of a clerical error or miscalculation, which can usually be said to be harmless one, can become a criminal offence.

Another example, Tuan Yang di-Pertua, is the issuing of an invoice for non-taxable goods, and there too by error showing a sales tax charged thereon could also take place, but according to this amendment, that can be taken as a serious offence. Inadvertent delay, of however short a period, in submitting returns could also take place—this would be taken as an offence.

Sir, it is noteworthy that Section 44, which relates to making a false return on behalf of another person or aiding or abetting or assisting another person to make a false return, requires such act to be done wilfully—I stress the word "wilfully"—before it becomes a criminal offence. My view is that if an inadvertent omission is made a criminal offence, the penalty in such cases where there is no fraud or wilful neglect should be nominal only. I hope to receive an assurance from the Honourable Minister to allay the fear of the commercial community in this regard. I will be very grateful because ever since this Bill was gazetted the commercial community has been fearing that mistakes like that I expressed just now may be taken as a serious offence and they may be punished according to the Bill, i.e. imprisonment for a term not exceeding twelve months or a fine not exceeding \$5,000 or both.

2.45 ptg.

Tuan Yeap Kheng Yam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Akta Cukai Jualan (Pindaan), 1974 ini dan mengambil bahagian bercakap sepatah dua di dalam perbahasan atas Akta Cukai Jualan (Pindaan) ini. Terlebih dahulu saya bersetuju dengan sepenuhnya kepada cadangan-cadangan yang dibuat oleh rakan-rakan saya di Dewan ini pada malam kelmarin yang merayu kepada Kerajaan supaya menimbang membatalkan Cukai Jualan ini. Izinkanlah saya bercakap sepatah dua yang berpatutan atas permintaan kepada Kerajaan supaya membatalkan Cukai Jualan, 1972 ini bersimpati dengan kesusahan rakyat pada masa inflasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Kerajaan mengutip Cukai Jualan sebanyak 5% dari rakyat pada masa harga barang-barang setabil, maka tidak ada apa-apa terasa berat atau tidak ada apa-apa teguran kepada Kerajaan, kerana menambah atau menolong kutipan-kutipan cukai untuk kewangan Kerajaan ini adalah kewajipan-kewajipan rakyat jelata. Akan tetapi, pada masa inflasi sekarang ini dan harga barang-barang naik terlampau tinggi seperti sekarang ini masih diteruskan dengan mengutip Cukai Jualan ini saya rasa tidak sesuai dan juga tidak adil. Ini hanya akan menambahkan kesusahan dan

keberatan kepada rakyat sahaja. Sebab-sebab saya rasa patut dibatalkan Cukai Jualan ini ialah seperti berikut:

- (1) Semua rakyat kecuali hendak membayar bayaran-bayaran yuran dan buku-buku teks sekolah bagi anak-anak kita dan sara hidup harian, membayar Cukai Kemajuan, membayar Cukai Pendapatan dan sebagainya tambahan pula kalau hendak membayar sebanyak 5% Cukai Jualan, maka dengan ini adalah menambahkan lagi berat kepada rakyat.
- (2) Sungguhpun saudagar-saudagar mengutip Cukai Jualan sebanyak 5% itu bukan dari kocek-kocek mereka, tetapi mereka dapat dari rakyat jelata sahaja.
- (3) Kadang-kala saudagar-saudagar mem-permain-mainkan kutipan dengan mengutip Cukai Jualan itu lebih daripada 5%. Mereka menyalahkan Kerajaan. Ini sungguh tidak patut. Maka dengan ini saya rasa sudah sampai masa atau ketikanya patut Cukai Jualan ini dibatalkan sekarang ini supaya mengurangkan taraf inflasi. Saya dengan ikhlasnya merayu kepada Kerajaan supaya:

- (a) Kerajaan membatalkan sama sekali Cukai Jualan dengan bertimbang rasa khas atas rayuan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, atau
- (b) Memberhentikan buat sementara atau ditangguhkan selama 3 tahun tidak mengutip Cukai Jualan sehingga keadaan inflasi yang buruk ini dibaiki kemudian. Pada fikiran saya ini adalah salah satu langkah yang baik dan praktikal untuk meringankan kesusahan rakyat jelata.

Mengkaji semula keadaan Cukai Jualan ini adalah kerana memberi faedah kepada rakyat dan memperbaiki keadaan taraf hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan bersetuju dengan cadangan-cadangan dari seorang dua Ahli Yang Berhormat di Dewan ini yang menyatakan kerana Pilihanraya negara akan diadualkan tidak berapa lama lagi dan merayu kepada Kerajaan supaya membatalkan Cukai Jualan adalah sesuai dengan kehendak-kehendak rakyat supaya

rakyat akan menyokong parti Kerajaan untuk mendapat kemenangan dalam pilihanraya pada masa akan datang. Saya rasa kalau Kerajaan membuat apa-apa faedah untuk rakyat hanya pada masa hampir pilihanraya itu memang tidak bermakna dan adalah salah satu penipuan kepada rakyat. Sebenarnya, tujuan Kerajaan membuat undang-undang atau akta-akta cukai dan berbagai peruntukannya ialah untuk kepentingan negara dan keperluan rakyat dari masa ke semasa dan bukan dikatakan hanya dibuat pada masa hampir pilihanraya sahaja. Kerajaan yang dipilih dan memerintah sangat perlu untuk mencukupi keperluan rakyat dan untuk mengkayakan negeri ini tidak akan disoal-soalkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, walau bagaimanapun, saya bersetuju dan menyokong kepada Akta Cukai Jualan ini supaya dibuat pindaan sesuai dengan keadaan.

2.47 ptg.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengambil peluang bercakap sedikit dalam perbahasan Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) ini.

Saya rasa tidak begitu bersetuju dengan penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri dalam mengemukakan Rang Undang-undang ini. Saya dengar dalam radio mengatakan Cukai Jualan ini tidaklah menyebabkan kenaikan harga barang-barang atau inflasi. Pada pendapat saya sedikit-sebanyak memang ada kesan-kesannya walaupun tidak begitu berat, kerana 5% tidaklah begitu berat. Ini serupalah juga seperti kata Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang diistiharkan berulang-kali dalam radio pada hari semalam dan dua hari yang lepas mengatakan kenaikan harga minyak petrol tidak ada kena-mengena dengan orang-orang miskin. Ini saya rasa tidak patut dikeluarkan ucapan seumpama itu, sebab kalau misalnya hendak dibangkitkan kita akan bertanya: adakah Yang Berhormat Menteri itu memikirkan orang-orang yang menaiki Scooter dan Honda itu orang kaya, sebab mereka ini juga membeli minyak petrol. Tetapi kalau berkata dengan sebab tidak dapat hendak dielakkan, inflasi ini terjadi di mana-mana dan kenaikan minyak petrol ini dengan sebab yang ditentukan, itu kita setuju dan saya percaya rakyat boleh

menerima alasan ini. Dan dengan sebab rakyat percaya dan menerima alasan-alasan inilah, maka di mana-mana ada pilihanraya kecil, calon dari pihak Kerajaan mendapat suara yang terbanyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak menyentuh sedikit sahaja berhubung dengan Cukai Jualan ini, terutamanya saya hendak menyebutkan bagi pihak pembuat-pembuat batik traditional yang banyaknya ialah daripada Negeri Trengganu dan Kelantan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Menteri yang berkenaan yang telah melepaskan Cukai Jualan ataupun mengecualikan Cukai Jualan ini bagi perusahaan mereka. Cuma ada sedikit lagi yang mereka itu minta saya sampaikan kalau boleh hendak merayu iaitu dalam pengecualian Cukai Jualan bagi pembuat-pembuat batik traditional ini ada juga lagi kaitannya sedikit iaitu hanya dikecualikan kepada keluaran batik gulung dan batik sarung sahaja. Mereka yang membuat batik juga tetapi untuk penggunaan bed-sheets iaitu cadar (barangkali harus orang di bandar-bandar besar ini kurang memakai buatan tangan Melayu ini, mereka suka memakai barang-barang dari England, jadi tidak berapa terkenal). Dan dengan kerana kurang terkenal inilah maka kebanyakan yang membuat cadar ini ialah terdiri daripada pengusaha-pengusaha kecil. Yang besar-besarnya seperti yang diusahakan oleh MARA ataupun syarikat-syarikat besar di Kuala Lumpur semuanya buat batik gulung. Ini semuanya dilepaskan daripada cukai jualan tetapi yang kecil-kecil tadi mereka buat bedsheet ataupun kain alas meja ataupun baju-baju panas (T-Shirt) yang dicetak dan dijadikan batik semua ini dikenakan cukai jualan sedangkan faedah yang mereka dapat sangat sedikit. Misalnya bedsheet. Mereka ini menjual dengan harga perselisihan dengan modal yang sangat sedikit. Kalau dipotong cukai jualan, oleh kerana harga ini mahal, kadang-kadang sampai \$1; \$1.50 kena cukai jualan, habislah keuntungan yang didapati oleh mereka itu, tidak berpadanan dengan penat-lelah yang mereka curahkan.

Bagi makluman Yang Berhormat Menteri, saya suka menyatakan sampai hari ini lebih daripada 50% pembuat-pembuat batik ini masih belum memohon pengecualian cukai jualan, dengan sebab bila sahaja mereka ini memohon pengecualian cukai jualan dan lesennya diluluskan, mereka kena buat

laporan bulanan sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Tan Sri S. O. K. Ubaidulla tadi iaitu mereka kena buat declaration tiap-tiap bulan. Kalau lewat sahaja sebulan, dia kena denda tambahan cukai 10% lagi, dengan kerana laporan-laporan bulanan ini menyusahkan mereka setengah-setengahnya orang kampung ini langsung tidak mengerti hendak membuatnya. Jadi langsung tidak diambil pengecualian cukai ini dan dengan kerana tidak mengambil pengecualian cukai ini, mereka terpaksa membeli bahan-bahan dengan harga yang mahal iaitu bahan yang dikenakan cukai.

Saya misalkan kain putih. Kain putih di masa ini harga di kilang \$1.50 seela. Kain putih yang kebanyakan digunakan oleh pembatik-pembatik buat kain batik sarung dan juga batik gulung (cotton). Cukai jualan 5% bererti dia kena bayar 7½ sen seela. Jadi orang yang dapat pengecualian cukai jualan dia hanya membayar \$1.50 tetapi mereka yang tidak mengambil lesen dia kena bayar \$1.57½ sen. Ini belum termasuk tambang dan sebagainya. Mereka terpaksa ikut kerana tidak mahu daripada menyusahkan hendak kena buat laporan dan sebagainya. Inilah saya merayu oleh kerana benda ini sedikit sangat seperti bedsheet, table cloth ataupun T-shirt, saya minta Yang Berhormat Menteri kecuaiikan. Tujuan saya bahawa semua pembuat-pembuat batik ini tidak kira apa juga jenis pengeluarannya asalkan dia menggunakan pekerjaan tangan kerana membuat bunga-bunga batik di atas kain tadi hendaklah dikecualikan daripada cukai jualan. Saya tidak hendak kata semua sekali mesti dihapuskan, sebab saya rasa barangkali sukar hendak dilaksanakan, maktumlah kalau semua sekali hendak dikecualikan, barangkali harus Kerajaan akan kekurangan anggaran pendapatannya.

Selain daripada membuat batik ini ada lagi satu kumpulan-kumpulan kecil yang juga sekarang ini masih kena bayar cukai jualan iaitu tukang-tukang jahit kecil. Tukang jahit ini dia pun kena bayar cukai jualan. Mereka yang disebut tukang jahit ada yang besar dan ada yang kecil. Kalau terdiri daripada kaum bumiputra kebanyakannya boleh dikatakan kecil-kecil belaka. Ini juga sangat menyusahkan kepada mereka membuat laporan dan kadang-kadang ada juga sekali-sekala mereka terpaksa berbohong membuat laporan-laporan yang tidak betul kerana hendak melarikan daripada kerugian.

Misalnya dia buat sepasang baju berharga \$20. Oleh kerana competitionnya banyak, daripada \$20 bolehlah dia mendapat keuntungan \$2. Kalau dia bayar cukai jualan dan berdasarkan atas \$20 bererti \$1 dia kena bayar cukai. Jadi tinggal \$1 kepadanya dengan segala perbelanjaan tidak memadai. Dengan sebab itu dia terpaksa buat bohong, yang \$20 barangkali dia taruhkan \$15 sahaja. Ini mesti berlaku kerana ini adalah perkara biasa.

Saya rasa daripada menyusahkan dengan pendapatan yang begitu kecil lebih baik dilepaskan terus. Barangkali semua orang akan berterima kasih dan berdoa kepada Yang Berhormat Menteri semoga dipanjangkan umur, menang pilihanraya dan sebagainya.

2.55 ptg.

Datuk Syed Hassan Aidid: Tuan Yang di-Pertua, sambil saya menyokong Rang Undang-undang Cukai Jualan ini, saya juga minta Kerajaan mengkaji semula pros and cons yang telah mengakibatkan dari cukai-cukai.

Pada minggu yang lepas kita telah mendengar daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu cukai dikenakan cuma 5% sehingga ada barang-barang 10%. Tetapi apa yang kita ketahui pekedai-pekedai telah menyalahgunakan ataupun memang sengaja mengambil peluang mereka bukan sahaja menaikkan harga barang-barang sebanyak 5% ataupun 10%, bahkan setengah-setengahnya itu menaikkan sehingga 45% kononnya kerana cukai jualan. Dan ini dengan tak secara langsung telah menyusahkan sungguh-sungguh kepada rakyat jelata khasnya orang Melayu di kampung. Sungguhpun kita dapat tahu lebih kurang 620 barang yang telah dikecualikan, tetapi saya percaya jangan katakan orang kampung, Ahli-ahli Parlimen di sini pun tidak tahu barang-barang yang 620 jenis ini yang mana kena dikecualikan dan yang mana tidak. Oleh kerana itu, peniaga-peniaga mengambil peluang menaikkan harga yang bukan-bukan bertambah pula dengan inflasi yang berlaku di negara kita. Ini dari segi rakyat jelata. Dari segi peniaga-peniaga ia juga menyusahkan peniaga-peniaga tambahan pula peniaga-peniaga yang kecil apa yang dikatakan oleh setengah rakan-rakan saya tadi memang benar.

Saya telah menceburkan diri dalam lapangan perniagaan ini tidak kurang daripada 30 tahun. Saya juga berasa susah bagi menghadapi perkara-perkara seperti mengadakan lapuran, mengadakan borang-borang dan berbagai-bagai lagi tetapi kepada orang lama tidaklah menjadi masalah yang besar, tetapi kepada peniaga-peniaga yang baru khasnya kepada bumiputra, saya fikir soal menyiapkan borang dan juga lapuran-lapuran adalah satu perkara yang menyusahkan. Kepada orang bumiputra hendak memasuki lapangan perniagaan apabila mereka dengar perkara-perkara yang bersangkutan dengan income tax yang mana Kerajaan telahpun mengenakan berbagai-bagai tax, umpamanya income tax, surtax, EPF dan ada satu perkara baru pula iaitu statistics, labour dan berbagai-bagai tax, tetapi tax yang saya sebutkan tadi tidaklah dengan secara langsung menyusahkan rakyat tetapi sales tax ini memang dikenakan daripada orang atasan hingga kepada orang kampung. Orang-orang atasan, orang yang kaya tidaklah menjadi masalah, tetapi kepada orang bawahan yang pendapatannya kecil, saya fikir adalah satu masalah yang besar. Oleh kerana itu, saya harap Kerajaan patutlah mengkaji semula pros and cons. Kalau semua peniaga-peniaga ini memang sincere atau berjalan dengan teratur tidak mengapa tetapi ada setengah-setengahnya pula menjalankan dengan cara tipuan kerana dalam sales tax ini saya percaya ada banyak loop-hole dan saya fikir Kerajaan tidak dapat mengadakan cukup kakitangan pergi ke satu-satu kedai untuk periksa perkara ini dan ini juga memakan belanja yang besar.

Kita sekalian sedar iaitu Kerajaan berkehendakkan wang untuk pembangunan dan berbagai-bagai lagi tetapi saya percaya bukanlah mencari wang dengan jalan sales tax. Umpamanya, pada hari ini kita ketahui dengan harga getah telahpun naik meningkat, juga kelapa sawit dan begitu juga bijih timah, saya percaya dengan kenaikan harga barang-barang yang saya sebutkan ini tentulah sekali revenue Kerajaan telah bertambah. Pendek kata berbagai-bagai jalan yang kalaulah Kerajaan hendak mencari revenue yang lebih besar umpamanya lebihkan income tax dan juga barang-barang yang tidak perlu seperti cosmetic dan lain-lain supaya dengan jalan ini saya fikir tidaklah akan menyusahkan rakyat

jelata. Saya pandang sungutan-sungutan daripada orang ramai biarpun segi peniaga-peniaga atau rakyat, sales tax ini adalah satu tax yang cukup unpopuler di negara kita. Oleh itu untuk kebaikan nama baik Kerajaan dan juga untuk menghapuskan penderitaan rakyat, saya fikir sudahlah sampai masanya Kerajaan mengkaji semula supaya dihapuskan sales tax ini.

3.01 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang ini.

Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sokongan yang penuh kepada pindaan terhadap Rang Undang-undang yang ada, walaupun saya merasa ragu sedikit terhadap sokongan yang diberikan itu oleh kerana hampir ke semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbincangan ini telahpun memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang ini menggesa pula pihak Kerajaan untuk membatalkan atau menghapuskan Cukai Jualan ini.

Daripada hasil perbincangan yang telah berlangsung selama dua hari, kesimpulan yang dapat saya buat daripada hujah-hujah yang dikeluarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat menyeru Kerajaan supaya menghapuskan Cukai Jualan ini ialah terutamanya dari segi pelaksanaan atau pentadbiran cukai itu. Saya akui ada terdapat sedikit kelemahan dari segi pelaksanaannya membandingkan supaya Cukai Jualan ini adalah suatu sistem cukai yang baru dan mengingatkan pula bahawa setiap yang baru itu mempunyai masalahnya yang tersendiri. Dalam masa lebih sedikit daripada dua tahun cukai ini dikenakan, kita telah menemui masalah-masalah di dalam pentadbiran dan pelaksanaannya. Dan dari sebab itu pindaan Rang Undang-undang ini dibuat bagi menentukan kelicinan pelaksanaan dan pentadbirannya dan bagi meng-

atasi masalah-masalah yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbincangan.

Saya akui bahawa Cukai Jualan ini telah menimbulkan perasaan yang sungguh tidak puashati kepada pengguna-pengguna kerana mereka menjangka bahawa peniaga dan pengusaha-pengusaha setelah menggunakan cukai ini untuk menaikkan harga barang-barang. Saya dimaklumkan bahawa para peniaga dan pengusaha juga merasa tidak puashati oleh kerana mereka terpaksa menyimpan kira-kira perniagaan yang lengkap mengenai cukai jualan ini yang mana mereka bertanggungjawab untuk memungutnya. Saya rasa juga bahawa mungkin ada masalah-masalah lain yang menyebabkan mereka itu tidak puashati dan kalau tidak silap saya tadi ada satu dua orang daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara yang saya maksudkan ini.

Rang Undang-undang Cukai Jualan menentukan bahawa mereka yang menjual barang-barang yang termasuk di dalam jadual barang-barang yang terkena Cukai Jualan, tidak boleh memungut jumlah cukai yang lebih daripada pembeli-pembeli sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang. Pengusaha-pengusaha pula hendaklah menunjukkan pada tiap-tiap invoice barang-barang yang terkena cukai dan jumlah cukai yang dipungut. Bagi barang-barang yang dikecualikan daripada cukai ini maka adalah menjadi kesalahan kepada penjual-penjual dan pengusaha-pengusaha mengenakan cukai ini di atas invoice yang dikeluarkan oleh mereka.

Menyentuh masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mansor tadi terhadap para pembatik di Pantai Timur yang merasa susah hendak membuat laporan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang ini, saya rasa itu satu perkara yang terpaksa juga mereka buat kalau mereka telahpun diberi pengecualian daripada Cukai Jualan ini. Ini satu kehendak daripada undang-undang dan saya rasa kehendak itu mesti disempurnakan oleh mereka yang telahpun diberi lesen ataupun yang telah diberi pengecualian daripada cukai jualan ini. Rang Undang-undang ini menetapkan bahawa bagi kesalahan-kesalahan yang tersebut di atas tadi dan bagi kesalahan-kesalahan lainnya maka hukuman yang dikenakan ialah denda tidak lebih

daripada \$5.000 atau penjara selama tidak lebih daripada 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Selain daripada menetapkan hukuman yang ada ini maka Kerajaan telah juga membentuk sebuah Jawatankuasa Penguatkuasa Khas ataupun Special Enforcement Committee yang terdiri daripada wakil-wakil Perbendaharaan, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk mengawasi dan mengambil langkah-langkah tertentu terhadap mereka yang mengambil kesempatan daripada kelalaian atau ketidaktahuan para pengguna mengenai cukai ini bagi memperolehi keuntungan atau kekayaan yang berlebihan. Jawatankuasa ini telah juga diminta menyampaikan maklumat tentang mereka yang bersalah kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri, sambil itu pihak Kastam dan Eksais Diraja yang bertanggungjawab melaksanakan dan mentadbirkan cukai ini telah pula membentuk Bahagian Penguatkuasanya bagi menentukan penyalahgunaan cukai ini tidak berlaku. Dan walaupun Yang Berhormat Senator Datuk Syed Hassan Aidid menyatakan tadi bahawa pihak Kastam tidak akan mempunyai tenaga yang cukup untuk menjalankan kuatkuasa terhadap Cukai Jualan ini, suka saya menyatakan bahawa perkara ini sedang di dalam tindakan pihak Kastam sendiri di mana baru-baru ini Jabatan Kastam telahpun mengambil pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan baru yang lebih ramai lagi dan kita harap sebahagian daripada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang diambil itu akan ditempatkan ke dalam Bahagian Cukai Jualan ini terutama dari segi menjalankan penguatkuasaan yang lebih terhadap peniaga-peniaga dan penjual-penjual di seluruh negara.

Dengan adanya hukuman dan peraturan yang saya sebutkan tadi, jelaslah bahawa kepentingan para pengguna telahpun dipelihara dan tanggungjawab para peniaga dan pengusaha-pengusaha telah juga ditetapkan. Akan tetapi, pelaksanaan mana-mana undang-undang tidak akan berkesan sekiranya orang ramai tidak memberikan kerjasama. Oleh itu saya suka merayu kepada pengguna-pengguna supaya memberikan seberapa banyak maklumat kepada Jawatankuasa Penguatkuasa Khas mengenai mereka iaitu penjual-penjual dan pengusaha-pengusaha yang telah menyalahgunakan

cukai ini supaya tindakan dapat diambil untuk menghukum mereka yang telah sabit kesalahannya. Kepada penjual-penjual dan juga kepada pengusaha-pengusaha, saya harapkan bahawa mereka akan berhati-hati dan bersikap tanggungjawab di dalam melaksanakan peraturan cukai ini dan saya suka menegaskan di sini, dari segi pelaksanaan undang-undang ini, Kerajaan akan melaksanakan dengan cukup adil dan tindakan-tindakan akan diambil terhadap mereka yang benar-benar bersalah.

Mengenai masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tan Sri S. O. K. Ubaidulla tadi, kita akan mengambil perhatian dan seperti saya tegaskan tadi, kita akan cuba melaksanakan Rang Undang-undang ini dengan seadil-adilnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Kerajaan, dan saya suka mengulanginya sekali lagi bahawa Cukai Jualan ini tidak akan membebaskan mereka yang berpendapatan rendah. Untuk mencapai maksud ini Kerajaan telah mengecualikan sebanyak 620 macam barang-barang yang disenaraikan seperti berikut:

- (i) Binatang-binatang dan pengeluaran-pengeluaran dari binatang atau Animals and animal products.
- (ii) Sayur-sayuran dan pengeluaran daripada sayur-sayuran iaitu vegetables and vegetable products.
- (iii) Makanan-makanan yang diperbuat (foodstuffs, prepared), kecuali coklat dan beberapa barang yang lain.
- (iv) Bahan-bahan binaan atau building materials.
- (v) Kenderaan atau vehicles, tetapi tidak termasuk bas, lori dan motokar. Motosikal, basikal, tricycle semuanya dikecualikan daripada Cukai Jualan.
- (vi) Bahan-bahan pengeluaran dari logam (Metal products).
- (vii) Bahan-bahan pengeluaran dari galian (Mineral products).
- (viii) Pengeluar-pengeluaran rampai atau (Miscellaneous products).

Saya suka menegaskan di sini bahawa barang-barang yang dikecualikan itu meliputi lebih kurang setengah daripada perjenis barang-barang dalam Perjenis Perdagangan dan Tarif Kastam, 1969. Ini adalah satu

pengecualian yang besar sekali memandangkan bahawa makanan merupakan 41% daripada "Cost of living index".

Daripada perjenisan di atas nyatalah bahawa barang-barang yang terkena Cukai Jualan adalah barang-barang yang dijeniskan sebagai barang-barang mewah atau barang-barang yang mampu dibeli oleh orang-orang yang mempunyai kemampuan yang lebih atau orang-orang yang kaya. Kalau dikatakan oleh setengah Ahli Yang Berhormat bahawa cukai ini telah membebaskan orang-orang yang tidak berada ini adalah tidak benar. Adalah adil bahawa mereka yang mempunyai kemampuan yang lebih atau yang kaya ini dikenakan cukai jualan bagi membantu mereka yang kurang mampu. Apatah lagi di dalam keadaan inflasi pada hari ini Cukai Jualan memainkan peranan untuk mengurangkan "private consumption" sesuai dengan rayuan Kerajaan supaya rakyat mempunyai semangat jimat-cermat dan tidak membazir dari segi perbelanjaan yang tidak perlu.

Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa Cukai Jualan telah menyebabkan inflasi di negara kita ini menjadi lebih buruk lagi, malahan menyebutkan kalau Cukai Jualan ini dihapuskan maka harga barang-barang akan turun. Saya tidak menafikan bahawa Cukai Jualan ini telah menyebabkan juga harga barang-barang di negara kita ini naik sedikit, tetapi Cukai Jualan ini bukanlah merupakan faktor yang terpenting yang menyebabkan kenaikan harga barang-barang di negara kita.

Inflasi dan kenaikan harga barang-barang ini, sebagaimana kita maklum merupakan satu masalah yang kompleks yang disebabkan oleh berbagai unsur. Pembatalan Cukai Jualan bukanlah merupakan penyelesaian yang maktamat atau the only solution bagi mengatasi masalah ini. Malahan tidak ada siapa yang dapat menjamin harga barang-barang akan turun dengan dibatalkan Cukai Jualan ini. Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah yang tertentu baik dari segi monetary dan juga fiscal bagi mengatasi masalah yang ada, dan adalah dirasakan bahawa langkah-langkah yang telah diambil itu memadai pada waktu ini. Dan menimbangkan bahawa masalah inflasi dan kenaikan harga barang-barang ini adalah satu masalah yang berlanjutan atau yang

continuous maka Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah yang sesuai dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Dewan ini. Kerajaan setakat ini telah membelanjakan lebih daripada \$500 juta untuk menanggung beban inflasi dan kenaikan harga barang-barang bagi menentukan bahawa rakyat tidak menerima kesan yang sangat buruk daripada keadaan yang ada. There is a limit to what the Government can do to overcome the present situation, kerana kita masih memerlukan perbelanjaan yang banyak bagi menampung keperluan pembangunan negara di semua bidang terutama sekali dari segi menyempurnakan rancangan-rancangan dan mencapai matlamat-matlamat yang ada di dalam Rancangan Malaysia Kedua, Cukai Jualan adalah merupakan suatu punca hasil yang besar yang dapat menambah keperluan perbelanjaan negara dan kalau dihapuskan cukai ini maka bererti akan kurangnya pembangunan negara bagi faedah rakyat pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak akan mengenakan sebarang cukai kecuali dirasakan sangat perlu dan memberi manfaat kepada negara dan bangsa. Kerajaan telah menghalusi Cukai Jualan ini sebelum dikemukakan. Cukai yang serupa telahpun dilaksanakan di negara-negara yang lain walaupun istilah-istilah yang digunakan dan bentuknya berbeza di antara satu sama lain.

Pada mulanya Kerajaan menjangka dapat memungut kira-kira \$84 juta daripada Cukai Jualan ini. Pada tahun lalu jumlah cukai yang dipungut telah meningkat kepada \$220.4 juta. Pada tahun ini adalah dijangka jumlah cukai yang akan dipungut itu akan meningkat kepada \$265 juta. Dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini dan penguatkuasaan yang lebih ketat lagi yang akan dijalankan, terutama dari segi mencegah kejadian pelarian cukai, sebagaimana yang disebutkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat maka dijangka jumlah cukai yang akan dipungut akan meningkat dengan banyaknya pada masa-masa yang akan datang.

Berkenaan dengan soal menghapuskan cukai jualan atas alasan bahawa cukai itu susah ditadbirkan dan juga perbelanjaan bagi

mentadbirkannya terlalu banyak, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan, suka saya menyatakan di sini bahawa cukai jualan adalah dikuatkuasakan oleh satu Jabatan yang sedia ada dan oleh itu perbelanjaan pengurusan sangatlah kurang sekali, hanya lebih kurang \$1 juta sahaja dibelanjakan untuk tujuan ini berbanding dengan jumlah hasil cukai sebanyak \$220.4 juta di dalam tahun 1973. Ini bermakna perbelanjaan pengurusan merupakan hanya lebih kurang 0.5% sahaja. Dari segi pentadbiran pula cukai ini tidak susah ditadbirkan, kerana cukai ini berasaskan documentary control dan tidak melibatkan banyak pegawai-pegawai untuk mentadbirkannya.

Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyebutkan bahawa kalau Kerajaan tidak menghapuskan cukai jualan ini, maka kedudukan Kerajaan di dalam pilihanraya yang akan datang akan terjejas. Saya rasa bagi Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini sudah tentu perkara ini tidak begitu membimbangkan, tetapi bagi mereka di Dewan Rakyat, saya fikir memang menjadi satu pemikiran yang patut diberi pertimbangan oleh mereka. Tetapi saya berpendapat bahawa masalah-masalah yang timbul daripada Cukai jualan ini tidaklah boleh kita katakan sangat berat, atau lebih berat daripada masalah-masalah yang lain yang lebih besar yang sedang dihadapi oleh negara dan bangsa dewasa ini. Masalah penyusunan semula masyarakat dan masalah menghapuskan kemiskinan dan masalah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baharu adalah masalah-masalah yang lebih penting dan lebih berat lagi yang mesti dilaksanakan dan diselesaikan dengan seberapa segera oleh Kerajaan dan masalah masalah ini memerlukan juga perbelanjaan yang sangat besar. Kegagalan kita untuk melaksanakan dan menyelesaikan masalah-masalah ini akan menjejaskan matlamat yang hendak kita tuju dari segi mengujudkan bangsa yang bersatu-padu, negara yang aman, maju dan makmur dan membentuk masyarakat yang adil. Janganlah kita jadikan masalah-masalah yang timbul daripada Cukai Jualan ini sebagai perkara yang boleh memisongkan kita daripada peranan dan tanggungjawab kita untuk mencapai dan menyempurnakan matlamat negara dan bangsa yang mulia ini. Rakyat sudah tentu dapat melihat dan dapat menilai dengan

sendirinya akan segala sesuatu yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi kepentingan mereka dan selagi sokongan dan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan tetap ada dan selagi Kerajaan dapat melaksanakan segala sesuatu yang boleh mendatangkan kebahagiaan dan kesejahteraan yang lebih bagi mereka itu, serta kemajuan dan kemakmuran yang lebih meningkat lagi kepada negara ini pada masa-masa yang akan datang, kita merasa yakin bahawa Kerajaan yang ada ini akan tetap wujud lagi pada beberapa ketika yang akan datang.

Tetapi walau bagaimanapun, segala masalah-masalah yang telah ditimbulkan dan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai cukai jualan ini akan kita ambil tindakan yang sewajarnya terutama mengenai masalah penyalah-gunaan pihak-pihak yang tertentu terhadap cukai jualan ini.

Suka saya nyatakan di sini bahawa satu penerangan yang luas sedang dibuat untuk menerangkan kepada orang ramai tentang maksud dan tujuan cukai jualan ini. Senarai yang lengkap mengenai barang-barang yang dikenakan dan yang dikecualikan daripada cukai ini sedang disusun bagi diedarkan untuk pengetahuan orang ramai. Dan dengan penerangan-penerangan ini, kita harap rakyat akan lebih faham lagi mengenai tujuan daripada cukai ini dan dapat pula mengelakkan diri mereka daripada menjadi mangsa pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, di atas alasan-alasan yang saya sebutkan tadi, saya berasa dukacita untuk menyatakan bahawa Kerajaan tidak dapat menimbang untuk menghapuskan atau membatalkan, mahupun menangguhkan pelaksanaan daripada cukai jualan ini buat sementara ini. Apa yang dapat saya janjikan ialah penguatkuasaan yang teliti dan lebih licin lagi dari segi pentadbiran dan pelaksanaannya supaya segala maksud-maksud yang terkandung di dalam cukai itu akan dapat dilaksanakan dan disempurnakan dengan lebih berkesan dan berjaya lagi.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang Ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (CARUM DAN PEMBAYARAN BALIK STOK PENIMBAL TIMAH)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.30 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan "Bahawa suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan bagi tujuan cukai pendapatan atas perkara-perkara berkaitan dengan pencaruman dan pembayaran yang dibuat di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Bijih Timah (Stok Penimbal), 1972" dibaca bagi kali yang kedua.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Peraturan-peraturan Kawalan Bijih Timah (Stok Penimbal), 1972, yang berkuatkuasa sekarang ini, antara lain-lain menghendaki orang-orang yang melombong bijih timah di Malaysia Barat membayar carum kepada Kumpulan Wang Stok Penimbal (Buffer Stock Fund). Carum ini boleh dibayar secara langsung oleh pelombong itu ataupun dengan cara memotong sebahagian daripada harga jualan apabila bijih timah itu dijual.

Carum-carum ini merupakan satu pinjaman kepada Kumpulan Wang Stok Penimbal dengan tujuan menolong menetapkan harga lantai (floor price) bagi bijih timah dan oleh itu boleh dikembalikan kepada pembayarannya apabila Kumpulan Wang itu dibubarkan. Oleh yang demikian, carum-carum ini tidaklah boleh dianggap sebagai satu perbelanjaan yang digunakan dalam

menghasilkan pendapatan daripada perniagaan pembayar dan oleh itu tidaklah dibenarkan dipotong dalam pengiraan pendapatan yang dikenakan cukai pendapatan.

Rang Undang-undang ini bertujuan mengenakan suatu pelepasan serta-merta bagi pembayar itu dengan cara membenarkan dia memilih, tidak lewat daripada 31hb Disember, 1974, samada dia berkehendakkan carum-carum itu dipotong atau tidak bagi menentukan pendapatannya yang dikenakan cukai pendapatan. Pemilihan setelah dibuat tidaklah boleh dibatalkan. Pembayaran daripada Kumpulan Wang itu kepada seseorang pencarum yang telah membuat pemilihan hendaklah dianggap sebagai pendapatan yang dikenakan cukai pendapatan. Bagi seorang pembayar yang tidak membuat pemilihan bagi membenarkan pencarumannya sebagai satu potongan dalam menentukan pendapatan yang dikenakan cukai pendapatan, pembayaran yang diterimanya daripada Kumpulan Wang tidak akan ditaksirkan cukai pendapatan.

Jika sekiranya terdapat kes yang luarbiasa di mana penggunaan cara menetapkan pendapatan di bawah Rang Undang-undang ini mengakibatkan seseorang pencarum kena bayar cukai yang tidak adil maka Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri akan mempunyai kuasa di bawah Rang Undang-undang ini bagi meremitkan sebahagian daripada cukai itu supaya cukai yang dikenakan adalah adil.

Rang Undang-undang ini adalah serupa dengan Akta Cukai Pendapatan (Carum dan Bayaran Kembali Stok Penimbal Bijih Timah), 1967 (No. 31 tahun 1967) melainkan ada terdapat beberapa perubahan deraf yang terpaksa dibuat mengikut peruntukan-peruntukan Akta Cukai Pendapatan, 1967 dan juga tafsiran yang luas bagi perkataan "contribution". Tafsiran "contribution" ini ialah untuk membolehkan pengusaha lombong yang memberi bukti kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri bahawa dia telah membayar atau menanggung pencaruman (mengikut perjanjian atau peraturan dengan tuannya lombong) dengan menggunakan nama tuannya lombong sebagai pencarum yang berdaftar, diberi potongan bagi pencarumannya dan ditaksirkan atas pembayaran daripada Kumpulan Wang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Wong Seng Chow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.35 ptg.

Tan Sri S. O. K. Ubaidulla: Tuan Yang di-Pertua, buah fikiran yang saya akan kemukakan sekarang adalah sedikit jauh daripada tujuan Bil ini. Saya mohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua, kerana hal ini adalah satu hal yang mustahak sekali.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam ucapannya di Dewan Rakyat pada 23hb April yang lalu telah mengisytiharkan satu cadangan Kerajaan yang sedang di dalam kajian Kerajaan iaitu Kerajaan sedang memikirkan kemungkinan menukarkan dasar tahun mengutip cukai pendapatan (based year for income tax). Jikalau cadangan ini dijalankan oleh Kerajaan seorang puncukai pendapatan boleh jadi akan dikenakan membayar cukai pendapatan dua kali dalam satu tahun. Misalnya pada tahun ini seorang itu dikenakan membayar cukai pendapatan bagi tahun 1973 dan 1974. Persoalan seperti ini harus membawa kesukaran bukan sahaja kepada golongan pedagang malahan kepada kakitangan Kerajaan dan pekerja-pekerja di negeri kita.

Saya yakin Kerajaan tidak akan mengambil satu tindakan yang boleh membawa kesusahan kepada rakyat jelata, tetapi pengisytiharan cadangan seperti ini, yang saya telah sebutkan masih belum dapat difahami hingga sekarang dan membawa beberapa kebingungan daripada segala golongan masyarakat. Oleh itu dengan permohonan ini, saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat mengeluarkan satu penjelasan supaya pihak yang berkeaan dapat mengerti akan tujuan asal Kerajaan.

3.59 ptg.

Tuan Amaluddin bin Darus: Saya mengambil peluang untuk menyokong Rang Undang-undang ini oleh kerana dia menunjukkan suatu yang baik dari segi pencaruman dan perkecualian daripada termasuk kira di dalam kira-kira income tax, akan tetapi saya suka menarik perhatian

Kerajaan di dalam masaalah yang ditimbulkan daripada pindaan Rang Undang-undang ini, iaitu mengenai dengan Carum Stok Penimbal Bijih timah.

Kerajaan telah mengadakan satu langkah Stok Penimbal Bijih timah seperti Kerajaan telah menjalankan langkah Stok Penimbal di dalam perusahaan getah. Ini semuanya diujudkan semata-mata oleh kerana memandang kepada kedudukan pasaran dan pemasaran di dunia yang kita sebagai negara pengeluar menjadi permainan kepada negara-negara pengguna yang biasanya mereka lebih memainkan peranan menentukan harga di atas barang-barang yang tidak dikeluarkan oleh mereka seperti getah dan bijih timah.

Ikhtiar Kerajaan mengadakan Stok Penimbal Timah tentulah bermaksud untuk mengawal keadaan supaya jangan dijadikan kita ini bahan permainan. Tetapi sejauh manakah berkesan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan baik yang mengenai bijih timah mahupun yang mengenai getah di dalam usaha membendong kegiatan-kegiatan gulungan-gulungan lain yang selama ini bermaharajalela menentukan harga dan mengawasi pasaran yang sebenar-benarnya. Sampai sekarang United States of Amerika masih mempunyai stok yang tidak ternilai banyaknya, baik yang dikatakan bijih timah ataupun getah yang pada bila-bila masa boleh lagi mencabar kita sebagai satu permainan politik tekan-menekan, diplomasi tekan terhadap negara-negara kecil. Yang demikian pada hemat saya Kerajaan boleh mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan dalam mengawal keadaan harga yang akan menguntungkan negara kita dengan kerjasama yang ber-sungguh-sungguh dengan semua negara pengeluar bijih timah yang juga mempunyai nasib yang sama seperti kita sehingga dapat kita menentukan harga barang-barang keluaran kita bukan ditentukan oleh mereka yang membeli.

Langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan mengenai dengan getah juga menunjukkan belum begitu berkesan oleh kerana langkah-langkah yang telah kita jalankan saya nampak agak takut-takut terhadap kebolehan ejen-ejen pemasaran getah di luar negeri. Begitu juga tentang bijih timah dan kerana itu hasilnya tidak begitu menunjukkan kejayaan yang cemerlang dan saya percaya kalau kita mempunyai sikap

yang cukup tegas dengan kerjasama yang sepenuhnya daripada negara-negara penge-
luar bahan-bahan utama seperti ini, kita akan
dapat memainkan peranan yang lebih penting
seperti negara-negara Arab, pengeluar
minyak telah menunjukkan ketegasan mereka
dengan menaikkan harga minyak di satu
batasan lebih daripada 100% bagi kepen-
tingan dan muslihat negara-negara mereka.
Mereka juga telah lama menjadi permainan
kepada kuasa-kuasa besar yang memper-
lindungi kepentingan-kepentingan kapi-
talis-kapitalis besar yang monopoli dan
mendapat keuntungan yang lebih lumayan
daripada negara-negara pengeluar minyak itu
sendiri. Sikap tegas yang ditunjukkan oleh
negara-negara Arab adalah merupakan satu
titik permulaan bagi sesiapa, umpamanya,
kita untuk mengambil contoh bahawa kita
harus bersikap tegas dalam menghadapi per-
kembangan perdagangan dan ekonomi di
dunia ini sehingga kita dapat menjadi kuasa
yang menentukan bahan yang ada di tangan
kita daripada membiarkan terus selama-
lamanya kita ditentukan oleh mereka yang
menggunakan barang yang dikeluarkan oleh
negara kita.

Dalam soal mengenai Rang Undang-
undang ini langkah Kerajaan mengadakan
peruntukan ini untuk tidak dimasukkan-kira
carum-carum yang telah dimasuki, yang telah
dibayar oleh pihak-pihak pengeluar bijih
timah dalam stok Penimbal Timah ini adalah
satu langkah yang bijak dan saya menyokong
100%, akan tetapi yang saya suka menarik
perhatian Kerajaan ialah maksud dan per-
laksanaan daripada kita mengadakan stok
penimbal itu sendiri.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

Harga bahan-bahan ini saya percaya boleh
mendapat harga yang lebih tinggi di pasaran
dunia jika negara-negara pengeluar bijih
timah telah membuktikan perpaduan mereka
dan kekuatan mereka dalam menguasai
keadaan pasaran di dunia ini.

Begitu juga mengenai dengan getah, sebab
kenaikan bahan-bahan petrol dengan sendiri-
nya perbelanjaan membuat getah tiruan akan
bertambah mahal, maka peluang bagi negara-
negara pengeluar getah untuk mendapat
harga yang cukup menasabah tentu lebih
baik, syaratnya negara-negara kecil yang
mengeluarkan bahan-bahan mentah ini mesti

bekerjasama dan mempunyai semangat kuat
untuk berhadapan dengan gergasi-gergasi
yang selama ini mempermainkan negara-
negara kecil. Harapan saya mahu melihat
kita sebagai negara yang mengeluarkan bahan-
bahan utama seperti getah dan bijih timah
satu hari cuba menjadi seekor singa yang
berani mengaum daripada membiarkan diri
kita selama-lamanya menjadi kucing yang
dipupuk-pupuk kepalanya dan diusap-usap
kepalanya oleh kuasa-kuasa asing yang me-
mainkan kita.

3.48 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin:
Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil
sedikit bahagian di dalam perbincangan ter-
hadap Rang Undang-undang ini. Saya
menyokong dengan sepenuhnya atas Rang
Undang-undang ini yang mana saya anggap
satu peruntukan yang baik yang dibuatkan
kepada perindustri bijih timah kita. Walau
bagaimanapun, saya suka di sini hendak
menyatakan keraguan saya semasa hendak
menguatkuasakan undang-undang ini, kerana
di sinilah rasa saya kalau kita tidak berjaga-
jaga mungkin kita boleh dipermainkan oleh
saudagar-saudagar bijih timah yang besar
yang menjalankan perusahaannya di negara
kita. Saya bersetuju dengan pendapat yang
telah dikemukakan sebentar tadi oleh sahabat
saya, Yang Berhormat Tuan Amaluddin bin
Darus, berkenaan dengan kuasa-kuasa besar,
pengusaha-pengusaha daripada luar negeri
yang masih lagi memegang kuasa di dalam
soal bijih timah atau getah di negara kita.

Saya difahamkan baru-baru ini apabila
harga getah dan juga harga bijih timah kita
naik, banyak syarikat-syarikat di negara kita
ini tidak membuktikan keuntungan dari segi
perniagaannya oleh sebab mereka telah
menjualkan terlebih dahulu ataupun mem-
buat apa yang dikatakan dalam bahasa
Inggeris "forward sales" kepada syarikat-
syarikat yang ada kaitan dengannya.
Nampaknya perkara-perkara ini telah
menjadi-jadi. Di sini rasa saya belum ada
lagi satu peraturan tegas yang mana kita
boleh menjaga supaya syarikat-syarikat yang
ada di negara kita ini termasuklah syarikat-
syarikat bijih timah dan syarikat getah, tidak
boleh membuat penjualan ke hadapan atau
forward sales dengan sewenang-wenang
sahaja.

Saya suka mengesyorkan dengan seberapa ringkas di sini supaya Kerajaan mengkaji bagaimana kita boleh mengadakan satu dasar forward sales atau Register of Forward Sales berkenaan dengan bahan-bahan yang kita keluarkan di sini termasuklah bijih timah dan getah supaya tidak dapat dipermainkan oleh syarikat-syarikat yang bergerak di negara kita sekarang ini. Itulah sahaja sedikit sebanyak pandangan saya dan saya sokong Rang Undang-undang ini.

3.52 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dan mengenai masalah-masalah yang telah ditimbulkan oleh Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua sendiri tadi, masalah sistem cukai pendapatan yang baru yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Sebenarnya, perkara ini masih lagi di dalam kajian dan apabila sesuatu keputusan atau sesuatu hal yang nyata telah dapat dibuat, maka saya rasa suatu pengumuman yang sesuai akan dapat dibuat pula mengenai perkara ini. Dan saya maklum bahawa ada masalah-masalah yang timbul dari segi sistem percukaian yang baru itu, dan masalah itu akan kita kaji dengan sebaik-baiknya supaya apabila sistem cukai yang baru ini dilaksanakan, maka ianya tidak akan pula menimbulkan masalah-masalah baru yang lain, mungkin lebih rumit dan mungkin lebih memberatkan lagi kepada semua pihak.

Berkenaan masalah yang ditimbulkan oleh Senator Amaluddin bin Darus, sukalah saya menyatakan di sini memanglah menjadi tujuan Kerajaan bahawa harga daripada pengeluaran asas itu pada setiap masa mendapat harga yang sepatutnya. Kerajaan memang berusaha ke arah menentukan paras harga yang baik bagi tiap-tiap hasil pengeluaran kita itu. Tetapi masalah pasaran ini adalah satu masalah yang sulit, dan ianya bukan sahaja memerlukan suatu tindakan daripada kita sendiri, malahan kita perlu juga mendapat kerjasama daripada pihak-pihak pengeluar yang mengeluarkan barang-barang yang sama.

Dan daripada apa yang sedang berjalan sekarang ini, saya rasa dari segi kerjasama yang kita perlukan bagi mengujudkan satu keadaan yang lebih baik dari segi harga daripada pengeluaran kita itu, kita yakin bahawa masalah yang ada ini akan mendapat penyelesaian yang memuaskan dan akan dapat memberi faedah yang besar kepada kita semua, terutama kepada mereka yang terlibat dengan pengeluaran bahan-bahan keluaran utama kita itu.

Di dalam masalah yang ditimbulkan oleh Senator Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin, saya mengambil maklumat di atas perkara ini, dan saya rasa sesuatu perkara yang tertentu juga akan dapat dibuat bagi menjaga perkara ini supaya ianya tidak akan menyebabkan kedudukan harga daripada bahan pengeluaran kita itu sentiasa ada pada paras yang tidak sewajar.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan saya mengambil maklumat di atas pandangan-pandangan yang dikemukakan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG JALAN, PARIT DAN BANGUNAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.00 ptg.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menyusun semula dan menyatukan undang-undang mengenai jalanraya, pamaritan dan bangunan seperti yang digunakan oleh pihak penguasa-penguasa tempatan sekarang. Dengan ini dapatlah diadakan keseragaman undang-undang dan polisi dalam perkara-perkara ini untuk digunakan oleh semua penguasa-penguasa tempatan.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan keselamatan yang cukup dalam bangunan-bangunan dan di tapak-tapak kerja yang dijalankan dan dengan itu peruntukan-peruntukan ini khususnya yang berkaitan dengan pencegahan kebakaran akan melibatkan kenaikan kos. Peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan pencegahan kebakaran akan hanya melibatkan bangunan-bangunan perdagangan perusahaan dan pejabat dan bukannya rumah-rumah kediaman. Akan tetapi dengan kemungkinan kenaikan kos itu terdapat juga lain-lain faktor yang harus dapat mengurangkan kos. Dengan menghapuskan kawalan yang ketat ke atas struktur-struktur dan ruangan boleh memudahkan lagi cara membuat reka bentuk dan ini akan dapat menjimatkan kos reka bentuk bangunan. Undang-undang kecil yang ada sekarang berdasarkan pada kekuatan bahan-bahan bangunan, tetapi undang-undang yang baru ini akan mengadakan sebagai tambahan satu konsep baru yang menumpukan kepada ciri bahan-bahan bangunan dan bukanlah kekuatannya.

Dengan kegunaan Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya adalah diharapkan masalah pemaju-pemaju yang tidak membekalkan kemudahan-kemudahan infrastruktur dengan secukupnya tidak akan timbul lagi. Rang Undang-undang ini akan menghendaki pemaju-pemaju menjalankan kerja-kerja infrastruktur atau membayar deposit kepada penguasa tempatan untuk membolehkan penguasa tempatan berbuat demikian.

Pada amnya mutu yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang adalah paling minima yang diperlukan setelah diambil pertimbangan akan prinsip perancangan dan reka bentuk kejuruteraan dan akitek yang sempurna dan keperluan untuk menjamin keselamatan orangramai dan mengekalkan mutu kesihatan orangramai. Eloklah juga

disebutkan di sini bahawa undang-undang yang baru ini dapat membuka jalan untuk mengguna teknologi baru dan bahan-bahan bangunan yang baru, khasnya cara-cara mengurangkan kos.

Butir-butir lanjut mengenai Rang Undang-undang ini adalah diberi di dalam Huraian.

Pada mulanya Rang Undang-undang ini akan dilaksanakan di Wilayah Persekutuan sahaja dan selepas itu akan dilaksanakan pula di penguasa-penguasa tempatan yang lain di Semenanjung Malaysia.

Saya suka menambah di sini bahawa sebagai yang dikehendaki di bawah Fasal 95A Perlembagaan Malaysia, Rang Undang-undang ini telah dipersetujui oleh Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.05 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan suka saya hendak memberi sedikit sebanyak pendapat saya tentang Rang Undang-undang ini.

Dalam Rang Undang-undang ini terang dijelaskan iaitu undang-undang ini dibuat oleh Kerajaan Pusat untuk Kerajaan Negeri dan Penguasa-penguasa di Majlis Tempatan menjalankan kuatkuasa undang-undang itu supaya dapat diaturkan cara hidup dan susunan pada satu-satu kawasan pembangunan yang lebih teratur, yang lebih moden dan yang lebih baik.

Saya suka hendak menerangkan di sini iaitu setelah kita luluskan undang-undang ini, satu perkara yang sangat mustahak yang patut ditarik perhatian Kerajaan dan patutlah Majlis Kebangsaan bagi Majlis Tempatan ini menimbangkan ialah berkenaan dengan susunan kerja dan pejabat-pejabat di tiap-tiap Negeri. Dalam undang-undang ini kuasa yang diberi ialah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan di bawah Kerajaan-kerajaan Negeri itu mempunyai berbagai-bagai Jabatan Kerajaan. Jabatan yang mengambil peranan yang besar ialah Majlis Tempatan ataupun Majlis Bandaran, Pejabat Tanah, Pejabat Pesuruhjaya Tanah

dan Galian, Jabatan Kerja Raya Negeri dan lain-lain pejabat yang ada kaitan dengan kerja-kerja penyusunan semula kampung-kampung ataupun bandar-bandar yang hendak dilakukan terutamanya Pejabat Perancang Bandar.

Pada masa yang sudah-sudah dan pada masa sekarang, mengikut perhatian saya, pentadbiran di pejabat-pejabat ini tidaklah begitu teratur dan tidaklah mempunyai kakitangan-kakitangan yang cukup dengan anggaran-anggaran perbelanjaan yang cukup. Dalam pejabat-pejabat ini kebanyakannya boleh menyebabkan kelewatan-kelewatan kerja untuk merancang satu-satu kawasan yang hendak didirikan rumah-rumah itu. Umpamanya kalau sekiranya satu kawasan yang hendak didirikan satu rancangan perumahan, maka kerja untuk mendapatkan kelulusan daripada Town Planning umpamanya, kerja untuk mendapatkan kelulusan daripada Pejabat Tanah, perkara-perkara yang berkaitan dengan tanah umpamanya, kerja-kerja untuk mendapatkan kebenaran daripada Pejabat-pejabat Kesihatan umpamanya, ini mengambil masa yang sangat panjang.

Pernah alasan-alasan diberi ialah kerana kekurangan kakitangan bekerja di dalam pejabat-pejabat ini, selain daripada kekurangan peruntukan kewangan umpamanya. Tetapi pada pendapat saya perkara yang besar sekali yang boleh kita lihat hari ini ialah penyusunan pentadbiran yang ada di pejabat-pejabat ini.

Kerajaan perlu mengadakan satu penyiapan ataupun satu pengkajian ataupun satu Suruhanjaya, kalau perlu, untuk mengadakan satu Suruhanjaya Peringkat Persekutuan yang disokong oleh Kerajaan-kerajaan Negeri supaya dibuatkan satu laporan penuh bagaimana patut di susun kembali Pejabat-pejabat Tanah, Pejabat-pejabat Majlis Bandaran, dan pejabat-pejabat yang berkaitan dengan perkara-perkara yang berkenaan dengan penyusunan semula bandar-bandar kita ini supaya pejabat-pejabat ini mempunyai peraturan dan aturan kerja yang lebih kemas dan panduan-panduan kerja yang diberi kepada pegawai-pegawai itu dengan lebih kemas dan teratur. Kerana kalau tidak, mengikut pendapat saya, dengan kelemahan-kelemahan yang ada pada hari ini, maka boleh memudahkan pegawai-pegawai yang ada dalam Jabatan-jabatan

yang berkenaan ini mengambil rasuah yang mana boleh merosakkan cara pentadbiran, kemajuan dan perjalanan Kerajaan kita hari ini.

Saya rasa perkara rasuah ini adalah perkara besar dalam masaalah pembinaan satu-satu kawasan perumahan dan ini perlu dikaji oleh Kerajaan kerana kalau sekiranya satu syarikat hendak mendirikan satu kawasan perumahan dia berkehendakkan satu jaminan iaitu kerja pembinaan kawasan perumahan itu mesti berjalan dengan lancar kerana syarikat itu perlu kepada kerja yang tidak terganggu, perlu kepada kemudahan-kemudahan daripada Kerajaan. Kemudahan-kemudahan yang tidak boleh merugikan kepada kompeni itu menjalankan rancangan perumahannya.

Kalau sekiranya gangguan-gangguan dilakukan di tengah-tengah jalan maka kompeni itu akan rugi dan kerja-kerja pembinaan perumahan itu akan terbantut di tengah jalan. Inilah sebab yang paling besar sekali.

Satu syarikat perumahan barangkali dia mengambil wang daripada punca bank, daripada mana-mana punca pinjaman yang mesti membayar faedah-faedah daripada pinjaman-pinjaman ini. Sekiranya kerja-kerja itu berlambatan dan ada gangguan di tengah-tengah jalan, maka sudah tentu syarikat-syarikat itu akan menanggung kerugian yang besar kerana membayar bunga-bunga bank yang begitu banyak sehingga boleh menyelesaikan kerja-kerja perumahan itu. Untuk mengelakkan daripada gangguan dan daripada kena membayar bunga bank yang banyak ini, maka taukeh-taukeh bagi satu-satu rancangan perumahan itu rela memberikan suap yang dianggarkan tidak merugikan kepada syarikat itu menjalankan kerja. Wang suap yang seumpama inilah yang pernah berlaku yang kita tidak dapat hendak membuktikan, tetapi perkara itu ada berlaku di hadapan kita yang tidak dapat dibuktikan kerana tidak ada siapa yang sanggup ke hadapan kerana kalau mereka ke hadapan maka rancangan perumahan mereka akan terbantut di tengah jalan. Inilah perkara yang besar yang mustahak kita kaji dan halusi dan cara untuk menghapuskan perkara ini ialah satu jalan sahaja iaitu Kerajaan hendaklah mengadakan satu susunan kerja yang lebih teratur dan satu

panduan kerja kepada pegawai-pegawai yang berkenaan itu dengan lebih kemas dan lebih teratur.

Umpamanya, kalau seorang pegawai itu memegang fail umpamanya dia tidak boleh memegang fail itu lebih daripada satu minggu atau 3 hari atau 4 hari. Itu adalah paduan kerja yang perlu. Sebab ada kalanya barangkali fail-fail ini cuma disorokkan di mana-mana ceruk supaya dapat pihak yang berkenaan mencari-cari siapa yang memegang fail ini untuk mendapat sedikit sebanyak faedah daripada fail yang dipengangnya itu. Selalu berlaku di dalam negara kita hari ini kerja-kerja melonggokkan fail. Kalau saya ada satu kerja, saya kena ikut fail itu. Fail itu berjalan ke mana perginya saya kena ikut, kalau saya tidak ikut fail itu, saya tidak dapat menyempurnakan kerja saya.

Katalah hari ini saya pergi ke pejabat ini. Saya diberitahu umpamanya 3 hari lagi fail saya itu akan selesai dan akan diedarkan kepada satu pejabat yang lain. Maka lebih 3 hari kemudian saya kena pergi ke pejabat lain untuk menurutkan fail itu. Kalau saya tidak ikut fail itu ke mana perginya maka fail itu tidak akan saya ketahui. Perkara ini berlaku dalam negara kita kerana peraturannya telah ada. General Order, ada. Tetapi kuatkuasa General Order itu tidak berjalan dengan begitu ketat, tidak dikuatkuasakan oleh Ketua-ketua Pejabat. Barangkali boleh jadi Ketua Pejabat terlampau banyak kerja dan banyak mesyuarat. Saya dapat tahu kalau kita pergi ke pejabat-pejabat Kerajaan, kalau hendak berjumpa Ketua Pejabat, mesyuaratnya terlampau banyak sehingga tidak tahu di mana dia mesyuarat. Kadang-kadang isteri di rumah bertanya di mana mesyuarat maka tidak siapa pun yang tahu. Tidak siapa boleh tahu ke mana suaminya bermesyuarat. Inilah masalah-masalah yang menjadi kerumitan kepada perjalanan dan kemajuan negara kita hari ini.

Hari ini kita mesti sedar iaitu kita dalam perkembangan pembangunan negara. Kita berkembang dan kita sedang menuju ke hadapan dengan begitu pesat sekali. Kalau lah jentera kita ini lambat, tidak dapat berjalan dengan lancar, maka kelancaran pembangunan negara kita hari ini akan menjadi lambat. Perkara yang pertama sekali ialah kelambatan, yang menjadi kesulitan bagi negara kita ini ialah masa

bekerja. Kadang-kadang, ada setengah-setengah mereka itu turun-naik di kantin sahaja, tinggalkan fail itu dengan tidak tahu ke mana perginya fail itu. Kelambatan kerja ini suatu perkara yang besar.

Yang pertama, kelambatan kerja.

Yang kedua, alasan-alasan teknikal dalam bahagian perumahan, perancangan, pembinaan rumah.

Rumah ini tidak siap, pelan tidak sempurna bangunan ini merbahaya di segi teknikal; pembinaannya tidak betul pada segi planning. Semuanya ini perkataan-perkataan teknikal yang sangat susah hendak dipecah-pecahkan. Sebab kalau sekiranya diedarkan satu pelan itu kepada doktor kesihatan, kalau dia kata tidak sihat, semua orang mesti ikut cakap dia, tidak sihat kerana doktor itu ialah orang yang telah diberi kuasa menjadi pakar dalam kesihatan. Doktor lain ataupun pegawai kesihatan lain tidak boleh memecahkan masalah ini.

Bagitu juga bagi Pegawai Perancang Bandar. Umpamanya kalau dia kata tanah ini kalau dipecahkan lot ini memadai dengan 40 lot sahaja tidak boleh lebih daripada 40 lot maka mesti 40 lot sahaja dipecahkan. Walaupun sipemunya tanah itu mesti rugi, tetapi Bahagian Perancang Bandar kata 40 lot sahaja boleh dapat. Kalau boleh dapat lebih daripada 40 lot pun dia kata 40. Inipun lubang-lubang yang boleh memberikan peluang kepada setengah daripada mereka ini mendapatkan habuan-habuan ataupun perundingan secara di bawah meja (under the counter arrangement). Inilah perkara yang patut kita kaji betul-betul, masalah perancang bandar, masalah membina rumah ini adalah masalah yang sangat besar bagi negara kita hari ini. Hari ini kita boleh melihat rumah-rumah didirikan di merata ceruk dan begitu pesatnya rumah didirikan masih banyak lagi rumah yang dikehendaki.

Satu rancangan perumahan yang beratus rumah dibangunkan. Rumah belum dibuat lagi, tanah belum disodok, belum diratakan, sudah habis dibayar wang booking oleh pihak yang berkehendakkan kepadanya. Setengah-tengah empunya rumah ini telah menyalahgunakan pula. Begitu kuatnya, besarnya demand rumah ini terkadang-kadang tuan punya perancangan perumahan

ini telah menyalahkan kemahuan yang begitu besar daripada orangramai sehingga tanah itu belum apa-apa lagi wang sudah dikutip \$500 ataupun \$1,000, seorang di-himpunkan wang itu ditaruhkan dalam fixed deposit, dia boleh dapat untung. Rumah tidak tahu ke mana lagi. Dia simpan wang \$1,000 tidak tahu tahun berapa boleh buat rumah. Inipun tidak ada peraturan yang tetap. Kerajaan membiarkan sahaja, siapa sahaja yang hendak mengutip wang untuk membuat rumah di mana sahajapun boleh. Kadang-kadang kita tidak tahu di mana tanah yang hendak dibuat rumah. Wang sudah dikutip. Inipun satu masaalah yang patut diteliti oleh Kerajaan, patut diambil tahu supaya syarikat-syarikat yang membina rumah-rumah ini tidaklah menyusahkan orangramai, tidaklah menyalahgunakan lesen-lesen yang ada pada mereka itu dan supaya orangramai berpeluang mendapat rumah itu dengan secepat mungkin. Ada kadang-kadang disebut pelan belum diluluskan oleh Kerajaan maka wang yang disimpan itu disimpan di situlah. Mungkin dia tidak cukup modal maka dikutip wang daripada orangramai untuk buat rumah, tetapi bila orangramai bertanya kenapa tanah belum dibersihkan, rumah belum dibina, jawabnya ialah pelan atau kelulusan dari Kerajaan belum sampai lagi. Kita tidak tahu mana satu yang salah, orang yang merancang untuk membuat rumah ataupun pegawai pejabat yang meluluskan pelan atau rancangan perumahan itu. Masaalah peraturan dan undang-undang ini adalah sangat mustahak dan sangat besar maknanya kepada Kerajaan dan kepada negara hari ini.

Saya rasa patutlah dalam undang-undang ini banyak kuasa diberi kepada Kerajaan Negeri, kepada Penguasa-penguasa Tempatan dan Penguasa-penguasa Tempatan inipun diberi kuasa untuk membuat peraturan-peraturan. Jadi mustahaklah peraturan-peraturan ini diteliti dengan betul, dan kiranya perlu Kerajaan mengadakan satu peraturan yang lebih kemas dan sama di antara satu negeri dengan satu negeri supaya kerja itu tidaklah menjadi kelambatan, tidaklah menjadi kesusahan kepada kerja-kerja pembinaan rumah dan juga jalan-jalan yang hendak dibuat itu dijaga dengan betul.

Umpamanya sekarang satu syarikat perumahan buat jalan. Jalan itu diserahkan kepada Kerajaan. Kita kata Kerajaan Negeri

mengambil alih jalan itu, tetapi bila Kerajaan Negeri ambil alih jalan itu dibiarkan sehingga orang-orang yang berjalan di atas jalan itu rasa tidak sempurna, kerana tidak ada siapa hendak menjaga (maintain) jalan itu, sebab dalam setengah-setengah negeri, umpamanya saya tahu di Negeri Kelantan jalan itu dipecahkan beberapa tanggungan. Ada dipanggilkan jalan Majlis Bandaran, jalan Kerajaan Negeri, jalan Kerajaan Persekutuan, jadi jalan itu banyak bukan satu jenis jalan yang dijaga oleh satu pejabat. Ada berbagai-bagai jalan, jalan yang dipanggil Jalan Kampung, Jalan Penggawa, Jalan Majlis Tempatan, Jalan Majlis Bandaran, Jalan Kerajaan Negeri dan jalan-jalan yang di bawah jagaan Kerajaan Negeri dan Majlis Tempatan ini biasanya tidak dijaga dengan betul kerana barangkali kekurangan perbelanjaan, kurang mempunyai penyeliaan berkenaan dengan jalan-jalan ini. Jadi inipun perlu diperhatikan sebab seorang yang membeli sebuah rumah di dalam satu kawasan bandar, dia dipaksa ataupun mustahak membayar hasil bandar. Hasil daripada bayaran itulah untuk hendak menjaga jalan itu. Kalau sekiranya dia bayar hasil tiap-tiap tahun tetapi jalan yang dia berjalan itu tidak sempurna, selalu rosak dan tidak ada siapa yang menjaga, maka ini adalah perkara yang sangat tidak baik kepada penduduk, tuan punya rumah di mana rumah itu berada, pada hal dalam undang-undang jalan itu di bawah jagaan Majlis Tempatan, di bawah jagaan Kerajaan Negeri. Kenapa Kerajaan Negeri tidak mempunyai cukup peruntukan untuk membayar perbelanjaan menjagakan jalan itu? Inilah saya kata bagi Kerajaan membuat satu kajian, kalau perlu membuat satu penyiasatan atau commission.

Yang pertama, menyiasat tentang susunan pentadbiran pejabat di peringkat-peringkat negeri yang mana ada kaitan dengan pembinaan kampung ataupun kawasan perumahan.

Yang kedua, Kerajaan mustahak kepada peruntukan-peruntukan yang cukup, kewangan yang cukup kepada Majlis-majlis Tempatan ataupun Majlis-majlis Bandaran supaya Majlis-majlis Bandaran ini mempunyai wang untuk menjaga kesempurnaan penduduk di dalam satu-satu kawasan perumahan itu.

Dan yang ketiga, supaya kita dapat seberapa boleh menghapuskan kejadian-kejadian rasuah dalam usaha pembinaan negara kita pada masa ini. Ini perlu supaya negara kita tidaklah lemah dan jentera kita akan dapat berjalan dengan lancar dengan susunan-susunan yang baru dan cara-cara yang baru bagaimana yang dikehendaki oleh negara pada masa ini.

4.26 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan kali yang pertama yang mana Kerajaan telah mengemukakan undang-undang supaya dapat disamakan undang-undang yang berlainan yang ada di merata-rata negeri. Sungguhpun undang-undang ini dikemukakan mengikut Perkara 76, Perlembagaan Malaysia, saya harap pada masa hadapan banyak lagi undang-undang yang tidak sama dipakai oleh satu negeri dan berlainan pula daripada negeri yang lain bolehlah dikemukakan ke Dewan ini. Begitu juga pada masa yang lampau Kerajaan telah mengemukakan Undang-undang Tanah (National Land Code) iaitu oleh kerana undang-undang itu tidak sama. Jadi di sini satu langkah lagi yang mana Kerajaan telah ambil untuk menyamakan undang-undang yang berbeza-beza itu supaya dengan adanya undang-undang ini tidaklah susah kepada orang-orang yang terlibat hendak merujuk kepada satu buku undang-undang, kemudian merujuk pula lagi kepada satu buku undang-undang yang lain.

Saya sangat bersetuju dengan apa yang telah dikemukakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Datuk Nik Hassan tadi iaitu dalam melaksanakan undang-undang ini sudah tentu Pihak Berkuasa Tempatan akan bekerja dengan lebih rapat lagi dengan Pegawai Perancang Bandar, kerana pada saya pegawai itu tidak boleh diasingkan dengan Pegawai-pegawai Pihak Berkuasa Tempatan yang akhirnya meluluskan pelan-pelan yang dikemukakan oleh orang-orang yang hendak menjalankan tugas-tugas pembinaan rumah atau pembinaan jalan.

Dalam perkara membina jalan, membina rumah dan sebagainya seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang ini, saya rasa tidak dapat kita hendak lari daripada soalan-soalan ataupun masalah pemborong ataupun kontraktor. Saya suka di sini hendak mengambil masa sedikit berkenaan dengan

kehidupan pemborong-pemborong ini. Mengikut peraturan yang ada sekarang ini nampaknya pemborong-pemborong atau kontraktor-kontraktor samada kontraktor pembinaan rumah ataupun kontraktor pembinaan jalan, mereka ini tidak perlu mendapat suatu pendaftaran, kecuali mereka ini hendak menjadi kontraktor Kerajaan yang mana ada dihadkan kepada setakat mana kontraktor itu boleh membuat kerja sekian banyak Kelas "A" dan berbagai kelas-kelas yang lain. Tetapi bagi pemborong yang membuat rumah yang tidak berkaitan dengan Kerajaan nampaknya tidak ada satu perkara yang boleh mengikat mereka, pada hal merekalah orang yang penting yang sebenarnya membina rumah, jambatan ataupun jalan-jalan.

Dewan yang mulia ini telah meluluskan undang-undang mewajibkan tiap-tiap akitek mendaftarkan diri mereka di bawah Undang-undang Akitek. Begitu juga tiap-tiap engineer yang hendak menjalankan tugas mereka di negara ini terpaksa mendaftarkan diri mereka dan begitu juga surveyor. Tetapi saya hairan kenapa kita tidak mengadakan satu peraturan bagaimana kita boleh menjaga mutu kejujuran pemborong-pemborong ini. Kalau kita lihat di dalam *Warta Kerajaan*, tidak dapat tidak kita nampak bagaimana ramainya orang-orang bankrupt yang berasal daripada pemborong-pemborong. Oleh kerana tidak ada kawalan yang tertentu bukannya sahaja pemborong-pemborong atau kontraktor-kontraktor itu bankrupt, itu hak mereka, tetapi kalau kontraktor itu sudah sanggup membuat atau membina rumah umpamanya, orang-orang itu juga mengakibat kesusahan.

Saya harap Kerajaan dapat mengadakan satu peraturan bagaimana boleh kita mengawal kedudukan orang-orang yang berhajat hendak menjadi pemborong atau kontraktor ini. Kita tetapkan apakah syarat-syarat yang patut mereka patuhi sebelum mereka dibenarkan menjadi kontraktor. Kalau sekarang ini siapapun boleh jadi kontraktor. Kalau saya hendak menjadi kontraktor, saya boleh jadi kontraktor, pelanggan itu tidak tahu beza antara pasir lombong dengan pasir sungai umpamanya.

Negara kita ini sekarang sedang mengalami kesuntukan akitek, jurutera-jurutera kita tidak mencukupi. Akitek-akitek dan jurutera-jurutera tidak dapat mengawal dengan

seboleh-bolehnya tugas-tugas yang telah diberikan kepada kontraktor-kontraktor kerana itulah sebabnya kita dapati banyak bangunan-bangunan yang tidak senonoh, tidak kukuh, bangunan bocor seperti Bangunan Parlimen kita ini. Pihak-pihak akitek tidak boleh mengawasi setiap masa perbuatan atau pekerjaan pemborong-pemborong itu. Jikalau mereka mendapat peluang, umpamanya mereka dapati bahawa pihak akitek tidak memandangnya, mereka mengenyepikan perbuatan-perbuatan yang patut mereka buat dan ini merugikan pengguna-pengguna.

Oleh yang demikian, saya rasa masanya sudah sampai yang mana Kerajaan patut mengadakan satu peraturan khas untuk mendaftarkan semua kontraktor bagi menentukan dengan syarat-syarat yang tertentu siapakah yang boleh menjadi kontraktor.

Bercakap berkenaan dengan Pegawai Perancang Bandar yang ada kaitannya di bawah Rang Undang-undang ini, saya juga suka menyatakan bahawa Pegawai Perancang Bandar ini patutlah juga orang yang mempunyai satu vision yang jauh. Janganlah kita membuat seperti di masa yang lampau di Petaling. Saya umpamanya, membuat cuma mengikut apa yang perlu sahaja. Umpamanya semasa kita membuat jalan daripada Kuala Lumpur ke Kelang. Kita ingat pada masa dahulu kita perlukan cuma jalan dua lorong sahaja (lane) untuk jalan ke sana dan dua lorong (lane) untuk jalan satu lagi. Sekarang ini kita sudah sedar bahawa rancangan yang kita buat itu tidak mencukupi. Kalau pada masa dahulu kita mengambil tanah dengan menggunakan Undang-undang Pengambilan Tanah, barangkali bayarannya tidak begitu banyak, tetapi kalau sekarang kita hendak mengambil tanah sudah tentu compensation yang terpaksa kita bayar kepada tuan punya tanah tentulah tinggi.

Kalaulah pada masa itu kita mempunyai Pegawai Perancang Bandar yang mempunyai vision, mereka sudah tentu mengesyorkan supaya kita ambil tanah yang luas sedikit, sediakan untuk membuat jalan-jalan yang lebih lebar untuk kegunaan masa yang akan datang, membuat peruntukan bagi jejambat, round-about dan sebagainya, sudah tentu kita tidak mengalami kesukaran seperti kita hadapi sekarang.

Begitu juga nampaknya Pegawai-pegawai Perancang Bandar agaknya takut sedikit hendak memberi keistimewaan yang lebih kepada bandar-bandar untuk memberi kecantikan kepada bandar itu. Peruntukan peruntukan bagi taman-taman tidak mendapat pandangan yang berat. Kalau bagi pihak land developer sudah tentu bagi mereka mengadakan taman ataupun tempat-tempat kanak-kanak bermain itu sudah merugikan mereka, kalau bolehnya mereka tidak mahu bubuh perkara yang semacam itu. Maka di sinilah pihak-pihak Perancang Bandar sepatutnya memberi pandangan yang berat sebelum meluluskan satu-satu kawasan perumahan atau kawasan bandar yang mana hendak didirikan rumah-rumah ataupun hendak dibina jalan-jalan.

Sekarang ini di Kuala Lumpur sekurang-kurangnya Datuk Bandar telah mengambil langkah-langkah yang agak tegas dan saya hormatkan beliau untuk mecantikkan Bandaraya Kuala Lumpur ini. Kalau kita tengok di bulatan-bulatan sekarang ini sudah ada ditanamkan atau disediakan dengan pokok-pokok dan bunga-bunga yang indah. Sungguhpun ada juga bulatan-bulatan yang rasa saya sudah melampaui sedikit umpamanya bulatan di Jalan Universiti yang mana pokoknya terlampaui tinggi sehinggakan kita tidak nampak apa yang ada di sebalik penjuru itu. Ini, kalau tidak salah saya, ada peruntukan dalam Rang Undang-undang ini yang mana saya akan sentuh sedikit masa lagi.

Saya suka ulangi apa yang saya sebutkan beberapa hari dahulu yang mana kita patut memberi atau menumpukan daya yang lebih sedikit untuk mengelokkan bandar-bandar kita.

Kita sedar umpamanya Kuala Lumpur ini banyak jalan-jalan yang telah dibuat atau telah dibina hampir 50 tahun atau 100 tahun dahulu, jadi jalan-jalan itu dibina mengikut keadaan zaman pada masa itu. Sekarang ini tidak ada salahnya, rasa saya pihak Perancang Bandar terutama sekali Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk mencari jalan lagi kalau perlu memanggil consultant untuk menentukan bagaimana boleh mengelokkan lagi Ibu Kota Kuala Lumpur ini, dan menghadkan atau menukarkan sebahagian jalan-jalan itu, menutup sebahagian jalan-jalan itu dan dijadikan taman-taman, ataupun tempat-tempat yang mana orang-orang yang berjalan kaki boleh menggunakan, dan

dilarang kereta-kereta masuk ke tempat itu, ditanamkan dengan pokok-pokok yang tidak begitu tinggi, tetapi yang serdahana yang boleh mengelokkan lagi bandar-bandar kita supaya Kuala Lumpur ini boleh digelar sebagai satu Bandar, Taman atau Garden City. Dan bukan sahaja kepada Kuala Lumpur, tetapi juga pada mana-mana bandar yang hendak dimajukan oleh sebarang developer. Biarlah tiap-tiap bandar baru yang hendak kita majukan itu sentiasalah menghadkan atau memberi keutamaan sedikit bagi mengadakan taman-taman supaya dengan itu akan mengindahkan bandar baru, di samping memberi ataupun mengadakan udara yang bersih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan sekarang selama 10 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.43 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.58 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

4.58 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkara yang saya hendak minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Yang pertama, ialah berkenaan dengan Fasal 3 di bawah Tafsiran iaitu tafsiran kepada perkataan "pemaju" ataupun developer. Di sini nampaknya Pemaju—kalau saya salah saya harap dibetulkan—termasuk juga mereka yang mengadakan wang ataupun yang mengeluarkan wang seperti finance company ataupun syarikat-syarikat perumahan seperti Malaysia Building Society. Adakah mereka juga termasuk daripada tafsiran Pemaju? Mengikut tafsiran ini:

"pemaju" ertinya seseorang, sesuatu kumpulan orang-orang, syarikat, firma atau pertubuhan yang mengambil bahagian dalam atau menjalankan atau mengusahakan perniagaan memajukan atau mengadakan wang bagi kemajuan atau membeli atau memajukan secara sebahagian dan mengadakan wang bagi membeli bangunan-bangunan."

Di sini banyak perkara yang mungkin timbul dari segi kesalahan yang mana "pemaju" boleh dikenakan tuntutan sungguhpun di bawah Fasal 15 ada perkataan pemaju di dalamnya, tetapi nampaknya di bawah Fasal 15 ini "pemaju" di bawah Seksyen 15 sahaja dimaksudkan "pemaju-pemaju bagi tanah kepunyaan orang yang akan menjadi pemunya-pemunya bidang hadapan", tetapi umpamanya di bawah Fasal 16, ada perkataan "pemaju" seperti pindaan yang dikemukakan di dalam Dewan Rakyat. Nampaknya "pemaju" di sini boleh jadi termasuk juga orang-orang yang mengeluarkan wang bukannya "pemaju" ataupun "developer" yang membina bangunan-bangunan atau jalan-jalan itu—tidak, termasuk juga orang-orang yang mengadakan kewangan. Saya minta penjelasan di sini, adakah umpamanya di bawah Fasal 16 yang sudah dipinda "frontage developer" di sini termasuk orang-orang yang menyediakan kewangan.

Saya lihat juga di bawah Fasal 4 ada peruntukan berkenaan dengan "Menyenggara dan membaiki jalan-jalan awam". Di sini pihak berkuasa telah diberi kuasa untuk membaiki jalan-jalan awam. Saya tidak tahulah di sini kenapa di bawah Perenggan 4 ini tidak dimestikan pihak berkuasa mengarahkan supaya semua jalan awam bersama dengan siarkaki-siarkaki disenggara dan dibaiki dan di sini dikatakan boleh, iaitu perkataan dalam bahasa Inggerisnya "may" dan tidak "shall". Rasa saya di bawah Fasal 4 ini sudah ada peruntukan bagaimana menjaga kedudukan pihak berkuasa tempatan kerana di bawah perenggan ini juga ada disebutkan, "setakat mana kumpulanwangnya akan membenarkan. . . ."

Di sini kalau pihak berkuasa itu mempunyai kewangan bolehlah mereka membaikkan. Kalau mereka mempunyai kewangan bukannya sahaja mereka boleh, tetapi mereka mesti membaikkan. Nampaknya di sini ada kelonggaran sedikit diberikan kepada pihak berkuasa. Saya lebih suka kalau peruntukan di bawah undang-undang ini mengatakan "dia mesti membaikkan". Sudah tentu kalau ada perkara-perkara yang rosak, jalan-jalan yang telah rosak, maka pihak berkuasa terus membaikkannya.

Saya suka menyentuh sedikit berkenaan Fasal 29. Fasal 29 ialah berkaitan dengan "nama-nama jalan". Di sini saya tidak

begitu jelas samada siapakah yang mempunyai kuasa menetapkan nama-nama jalan. Adakah pemaju itu berhak menetapkan nama-nama jalan? Kalau umpamanya kita ada seorang pemaju, dia memajukan sesuatu kawasan, dia pecahkan lot-lot, diadakan jalan-jalan, adakah pemaju itu berhak menetapkan nama jalan itu? Kalau saya baca Fasal 29 ini tidak begitu terang kepada saya samada pihak berkuasa negeri mempunyai kuasa pemutus untuk menetapkan nama-nama jalan. Ramai pemaju-pemaju menetapkan nama-nama jalan ini kerana mengenangkan ibubapanya ataupun saudaramaranya dan dia pilih nama-nama yang disukai oleh mereka. Sudahpun berlaku perkara yang semacam ini. Kita patutlah mempunyai satu dasar yang tetap siapakah yang mempunyai kuasa untuk menentukan nama-nama jalan di dalam mana-mana kawasan yang telah dimajukan. Saya minta sedikit penjelasan di bawah Fasal 29 ini.

Begitu juga kedudukan jalan. Nampaknya sekarang ini nama-nama jalan ini tidaklah boleh dikatakan uniform. Kalau kita tengok di Kuala Lumpur ini nama-nama jalan itu dibubuhnya di tepi jalan, tetapi kalau kita tengok di Pulau Pinang umpamanya, dia tidak dibubuh di tepi jalan, tetapi dia menentang jalan. Sesiapa yang lalu di situ nampak. Maknanya tidaklah sebaris dengan jalan, tetapi bertentang dengan jalan. Kalau kita hendak mempunyai undang-undang yang sama sudah tentu kita patut adakan satu sistem yang sama. Nama jalan-jalan itu biarlah diletakkan di satu tempat yang terang.

Fasal 36 ialah berkenaan dengan "pagar tumbuhan dan pokok-pokok yang bersempadanan dengan jalan-jalan hendaklah dipangkas." Sungguhpun di bawah peruntukan Fasal 36 ini ada baiknya, saya juga nampak ada buruknya. Oleh kerana tumbuh-tumbuhan memang segar di negara kita ini dan boleh mencantikkan bukan sahaja jalan-jalan, tetapi pinggir-pinggir jalan, rasa saya patutlah kita menggalakkan tuan-tuan punya rumah untuk bertanam pokok-pokok ataupun pokok-pokok yang rendah, bukan yang tinggi, yang besar-besar, tetapi yang rendah-rendah, yang mencantikkan jalan dan kalau perlu bukan sahaja pihak berkuasa menyuruh, tetapi mereka juga memberikan dengan percuma pokok-pokok kepada tuan-tuan rumah supaya ditanam di

pinggir-pinggir rumah, di tepi-tepi jalan berhampiran dengan rumah supaya mengendahkan lagi rumha-rumah itu dan di sini sungguhpun ada disebutkan yang pokok-pokok tidak boleh melebihi tujuh kaki, saya rasa bukan sahaja untuk tuan-tuan punya rumah yang terpaksa berjaga-berjaga, tetapi pihak berkuasa sendiri patut berjaga-jaga. Inilah yang saya katakan tadi umpamanya di bultan (roundabout) di Jalan Universiti itu sungguhpun satu daya-usaha telah dibuat untuk mencantikkan lagi bulatan itu dengan mengadakan rock garden, tetapi nampaknya rock garden itu sudah semak sedikit, sudah tinggi sangat, sehinggakan kalau kita duduk di tepi rock garden itu kita tidak nampak adakah kereta yang datang dari sebelah kanan kita. Pihak berkuasa juga terpaksa mematuhi apa-apa undang-undang yang hendak dikuatkuasakan.

Saya suka menyentuh Fasal 41 iaitu berkenaan dengan langkah berjaga-jaga terhadap kemalangan. Saya lihat di bawah Fasal 41 (2), di sini ada dikatakan seseorang atau pihakberkuasa lain (tetapi bukan pihakberkuasa tempatan) yang tidak mematuhi peruntukan seksyen-kecil (1) boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit. Sungguhpun rasa saya perlu disebutkan di sini yang tentulah pihakberkuasa tempatan tidak boleh menggunakan hukuman di atas dirinya, tetapi dari segi gantirugi ataupun pampasan sekiranya berlaku kemalangan rasa saya pihak berkuasa tempatan tidak boleh mendapat pengecualian, mereka juga mesti terpaksa menanggung apa-apa pampasan akibat kerugian yang tertimpa oleh seseorang jikalau pihakberkuasa tempatan itu bersalah. Di sini rasa saya terpaksalah pihakberkuasa tempatan juga berjaga-jaga dan tidaklah hanya kerugian ataupun hukuman itu boleh dikenakan kepada orang-orang biasa ataupun pihakberkuasa lain sahaja.

Saya juga membawa pandangan terhadap Fasal 48. Saya meminta pihakberkuasa tempatan berjaga-jaga ataupun membuat pengawasan apabila mengambil tindakan di bawah Fasal 46 ini. Kerana di bawah Fasal 46, ini nampaknya satu anggapan (presumption) ada diperuntukkan di bawah Fasal ini dan selalunya kalau kita menafsirkan undang-undang ini anggapan (presumption) itu memang sangat susah bagi orang yang kena dakwa. Di sini saya mintalah

pihakberkuasa tempatan berjaga-jaga sebelum mengambil tindakan di bawah Fasal ini. kerana boleh jadi orang yang tidak bersalah, orang yang tidak ada kena-mengena boleh dikenakan apa-apa tuduhan yang boleh dibuat di bawah Fasal 46 ini. Saya juga meminta sedikit penjelasan berkenaan dengan Fasal 79. Nampaknya Fasal 79 ini sudah diketatkan tidak lagi seperti undang-undang yang ada sekarang ini. Fasal 79 ada menyebutkan, "Tiada seseorang boleh berdiri atau mengarah atau membenarkan didirikan di dalam sesuatu bangunan apa-apa sekatan, petak, galeri, loteng, bumbung, siling atau binaan lain tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan". Jadi nampaknya sekarang ini, kalau di dalam rumah kita hendak ubah sedikit, hendak membuat bilik dan tidak mengganggu sesiapa, kalau saya bacakan peruntukan yang baru ini, terpaksa seseorang itu meminta kebenaran dahulu daripada pihak berkuasa tempatan. Jadi masa meminta kebenaran ini mungkin menimbulkan beberapa kesulitan kerana kalau kita hendak membuat bilik sahaja, buat sekatan, terpaksa kita meminta kebenaran dahulu. Dan kalau kebenaran itu terpaksa dikaji oleh pihakberkuasa tempatan hendaklah mereka menghantar akiteknya, hendak hantar enjinirnya dan sudah tentu itu memakan masa. Saya tidak tahulah apa pendapat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dari segi kedudukan Fasal 79 ini, adakah itu dimaksudkan seperti yang saya anggapkan tadi, iaitu kalau kita hendak membina sebuah bilik dalam rumah kita yang ada sekarang ini terpaksa kita meminta kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan ataupun bolehkah kita dibenarkan seperti yang lazim dipraktikkan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur melihat peruntukan yang dibuat di bawah Fasal 132, iaitu suatu kumpulanwang yang dinamakan Kumpulanwang Perkhidmatan Kemajuan hendaklah ditubuhkan dalam tiap-tiap satu pihak berkuasa tempatan. Rasa saya ini suatu kumpulanwang yang baik kerana dengan adanya wang yang lebih sedikit di dalam Kumpulanwang ini maka dapatlah pihak berkuasa tempatan bernafas, dapat mengadakan peruntukan-peruntukan yang baik bagi bandar itu ataupun bagi kawasan di dalam jajaan mereka,

dan kalau perlu selain daripada mengutip cukai pintu daripada penduduk-penduduk di kawasan itu, rasa saya tidak ada salahnya kalau kita mendapat juga bantuan daripada orangramai ataupun daripada Kerajaan Pusat terhadap Kumpulanwang Perkhidmatan Kemajuan ini. Kerana kalau tabung Kumpulanwang Perkhidmatan Kemajuan ini banyak wangnya sudah tentu pihakberkuasa tempatan itu boleh menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih untuk memberi faedah yang berguna kepada penduduk-penduduk di kawasan itu.

Sekianlah sahaja, pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini dan saya dengan sukacitanya menyokong dengan sepenuhnya.

5.19 ptg.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan. Saya memberi setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana dapat membuat suatu Bil yang begitu lengkap dan baik, dan saya berharap Bil ini akan dapat dijalankan. Inilah pendapat-pendapat saya yang hendak saya kemukakan.

Kita tahu banyak lagi kawasan-kawasan di merata-merata Malaysia ini tidak senonoh jalanraya, tidak senonoh longkangnya dan juga rumah-rumah yang menjolok mata, kita boleh dapati dalam bandar-bandar kita di Malaysia ini. Mudah-mudahan dengan adanya Bil ini, kuatkuasa patut juga diambil kepada developer-developer yang mendapat tanah dan membuat rumah-rumah dan dijual kepada orangramai. Banyak developer yang tidak mengikuti kehendak-kehendak Kerajaan. Sudah siap rumah, dijual dengan mahal, walhal jalanraya tidak ada ditaruh minyak tar, longkang tidak ada, apabila hari hujan air bertakung di jalan-jalan dan jalan-jalan berlubang-lubang. Saya beri dua contoh, yang pertama di Green Wood Park, Batu Caves dan juga di Bamboo Garden, Jalan Ipoh. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat pergi ke tempat itu jalannya penuh dengan lubang-lubang dan ada kalanya bila hujan air melimpah-limpah dan bah, kereta tak boleh lalu. Taukeh tanah itu sudah hilang sebab wang modalnya sudah kembali dan itulah balasan kepada orang pembelinya.

Satu perkara lagi, saya suka menyampaikan di sini iaitu di Sentul ada 14 kedai yang sudah lama dan uzur. Kerajaan sudah beri notis dua tahun dahulu, untuk dipecahkan kerana membesarkan jalan, tetapi mereka yang mempunyai kedai itu telah berjumpa dengan loyar yang bijak minta kedai itu jangan dirobohkan dan kalau hendak dirobohkan juga dibayar gantirugi yang mahal. Perkara semacam ini, saya suka mencadangkan kepada Kerajaan, jangan diberi gantirugi dengan wang. Mereka yang punya kedai itu, diberi tempat lain dan dibuatkan kedai. Berapa belanja tanah dan kedai itu dibayar balik oleh taukeh itu setelah ditolak harga tanah dan kedai lama itu. Bayaran pula, adalah cara beransur-ansur tiap-tiap bulan. Dua tahun kita tidak dapat melebarkan jalan di Sentul sebab undang-undang kita tidak ada, maka dengan adanya undang-undang ini, saya harap kita akan dapat jalankan dan bukan di Sentul sahaja, bahkan di mana-mana sahaja kedai-kedai yang terlibat dengan jalan, beri mereka tempat, ganti dengan kedai juga, bayar balik dengan cara beransur-ansur. Saya percaya dengan jalan ini, semua rakyat yang terlibat akan puas hati dan kita tak akan memakan masa yang panjang bertahun-tahun seperti di Sentul itu.

Saya suka menyampaikan rayuan daripada 40 taukeh-taukeh kedai di Jalan Imbi. Mereka sudahpun memohon supaya rumah mereka dijadikan kedai di sebelah bawah dan banyak yang sudah membayar wang untuk menukar pelan sebanyak lebih \$5,000 pada 1972, tetapi malangnya hingga hari ini belum lagi menerima apa-apa keputusan yang muktamad samada permohonan itu telah diluluskan. Mereka masih tertanti-nanti, dengan lulusnya undang-undang ini, saya berharap kepada Kerajaan Tempatan, akan menyegerakan rayuan mereka. Pada masa ini banyak di antara mereka berniaga dengan cara haram, iaitu dengan tidak ada berlesen dan di dalam ketakutan. Jika rayuan mereka tidak lulus, saya berharap pada masa yang akan datang, jangan lagi diterima wang penukaran syarat, sehingga satu-satu keputusan telah dicapai.

Kita tahu, di Bandaraya Kuala Lumpur ini dan juga di mana-mana bandar, di Malaysia ini, sudah tibalah masanya, kita robohkan kedai-kedai yang lama-lama itu dan diganti dengan kedai baru, dan apabila mendirikan semula, ikutlah cara-cara yang

diaturkan dalam Undang-undang ini, iaitu dibuatkan jalan yang lebar, longkang yang dalam supaya air jangan bertakung. Kalau ini kita dapat jalankan bandar-bandar kita akan cukup teratur dan pemandangannya lebih elok seperti di England, di Thailand dan Filipina yang mana jalan-jalannya besar-besar dan bandar-bandarnya sangat lebar dan rumah-rumah kedai besar-besar teratur dan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberitahu Dewan ini, undang-undang ini patut dipanjangkan ke pengetahuan orang luar-bandar, melalui suratkhobar, TV dan radio, sebab apabila dikuatkuasakan, Kerajaan hendak membuat jalan di kampung, banyak benar bangkangan dari orang-orang kampung, benda-benda yang kecil seperti pokok kelapa dan pokok buah-buahan semua hendak diganti oleh Kerajaan, walhal Kerajaan hendak memberi kesenangan kepada mereka. Saya difahamkan Kerajaan tidak dapat memasukkan jalan, lampu dan air ke kampung-kampung, sebab orang-orang kampung, minta gantirugi lebeh dahulu, sebelum dijalankan kerja-kerja itu. Orang kampung sepatutnya berterima kasih kepada Kerajaan, bukan seperti yang berlaku sekarang, tetapi dengan adanya Undang-undang ini dipersebarakan kepada orang-orang kampung, melalui TV, radio dan suratkhobar, insya Allah orang-orang kampung akan menerima kehendak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, jika Kerajaan hendak membuat jalan baru, Kementerian berkenaan hendaklah berunding dengan jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Talikom, Jabatan Kerja Raya dan L.L.N. mengenai pemasangan kebel talipon, paip air dan kebel elektrik. Saya tidak hendak lagi lihat apa yang terjadi di Jalan Kucing baru-baru ini, sampai tiga kali, jalan itu digali oleh tiga jabatan lain dengan tidak setahu jabatan-jabatan yang lain.

Saya menyokong Bill ini untuk diluluskan.

5.25 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, di samping itu, ada beberapa perkara yang saya rasa tidak sependapat dengan rakan-rakan saya yang bercakap lebih dahulu ada

juga yang saya sependapat dengan mereka, tetapi kesimpulannya saya sokong juga Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum, pembangunan perumahan atau pembinaan jalan, parit dan sebagainya seperti yang dinyatakan oleh Senator Datuk Nik Hassan tadi dan juga Senator Kamarul Ariffin, saya berpendapat selain daripada kita menghendaki pendapat dan kelulusan daripada engineer dan akitek, amatlah perlu diterima pendapat umum orang-orang yang berkenaan. Sebagai contoh, saya dapati banyak rancangan Kerajaan yang telah dibuat bertentangan dengan pendapat umum. Apa yang ditentang oleh orang ramai itu mungkin sebagaimana kata Senator Ibrahim Yaakob, rakyat luarbandar tidak berterima kasih kepada Kerajaan, tetapi sebaliknya ada yang ditentang oleh penduduk luarbandar amat bersesuaian dan menasabah tetapi sayangnya kerana mereka itu tidak mempunyai kelulusan sebagai jurutera dan akitek, maka pendapat mereka ditinggalkan begitu sahaja. Sebagai contoh, taliair yang dibuat oleh Kerajaan. Kadang-kadang pendapat umum mengatakan tempat itu tak menasabah diadakan taliair atau parit, kalau diadakan juga harus air tidak boleh sampai ke tempat yang hendak dituju. Banyak tempat yang saya dapati begitu, umpamanya di tempat saya sendiri di Perlis. Apa yang ditentang oleh penduduk luarbandar itu amatlah benar. Dengan sebab itu saya berharap kepada pihak yang berkenaan, apabila hendak dibuat satu-satu pembinaan jalan, parit dan sebagainya selain daripada pendapat akitek dan enjinir, patutlah juga didengar pendapat umum yang mana yang sesuai. Kita tidak menafikan apa yang dibuat oleh Kerajaan adalah untuk kepentingan masyarakat, termasuk orang di bandar, orang di luarbandar, yang kaya, yang miskin. Biasa kita katakan dalam kempen politik kalau kita buat jalan bukan untuk Parit Kerajaan yang akan lalu di situ, bahkan kucing pun akan lalu di jalan tersebut, tetapi yang sedihnya kadang-kadang satu rancangan yang dibuat, rakyat yang miskin yang jadi mangsa. Kerajaan akan mengambil tanah untuk buat bangunan dan sebagainya. Tanah-tanah yang akan digunakan itu setengah-setengahnya dibayar tidak begitu menasabah dan tidak patut, tidak mengikut kadar pembayaran pasaran hari ini. Saya berharap kepada Kerajaan tanah yang diambil daripada rakyat baik pun

yang kaya apatah lagi yang miskin hendaklah bayar mengikut harga pasaran yang berpatutan. Kalau bangunan ada di atas tanah itu hendaklah dibayar dengan keadaan yang berpatutan, kerana kita tahu inflasi sekarang ini semua harga barang naik, termasuk harga kayu, bata, simin dan sebagainya. Kalau satu bangunan dirobuhkan dan akan diambil oleh Kerajaan tempat yang tersebut, saya syorkan sebagaimana saya kata tadi bayarlah harga yang agak berpatutan yang boleh diganti dengan bangunan yang lain.

Satu perkara lagi yang menjadi masalah ialah tanah untuk membuat pembangunan jalan dan sebagainya, yang diambil oleh Kerajaan itu tidak bergerak. Ini kita tidak salahkan Kerajaan dan kita tidak salahkan rakyat. Kalau hendak dibagi tentulah tanah itu salah kerana tidak bergerak, tetapi kalau kita kena bagi hendak salahkan rakyat, rakyat sudah minta sampai 20 tahun tetapi tidak dapat sampai hari ini. Ke mana yang kita hendak salahkan. Maka akhirnya rakyat juga dimarah. Walaupun tanah yang tidak bergerak ini tidak mendapat sambutan, saya harap mendapat pertimbangan daripada Kerajaan tentang pokok-pokok, sebagaimana yang dikatakan oleh Senator Ibrahim Yaakob tadi. Saya bukanlah hendak berlawan dalam Dewan ini, saya tidak tahu hal di Kampung Batu ataupun di Kuala Lumpur, ramai penduduk yang menentang dengan rancangan Kerajaan, tetapi kalau di Perlis, saya dapati ramai penduduk-penduduk di luarbandar yang menyokong di atas rancangan Kerajaan. Saya harap rancangan itu berpatutan. Jangan jadi kata orang kita buat jalan, kita buat parit, yang mendapat keuntungan puak-puak pemodal, tetapi penduduk-penduduk kampung menjadi mangsa, bahkan pokok tanaman yang boleh dimakan setahun dua oleh anak cucu mereka, mereka tidak dapat apa-apa hasil, sedangkan hasil daripada jalan tidak dapat, hasil daripada parit tidak dapat, bahkan pokok yang mendatangkan hasil pun ditebang dengan tidak membayar sedikit suguhati. Pihak swasta juga berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan rancangan perumahan ini juga saya suka mengesyorkan, sebagaimana kata Datuk Nik Hassan tadi. Perkara ini berlaku bukan di Kelantan atau di Kuala Lumpur sahaja, bahkan di mana-mana sahaja, sebagaimana kata Datuk Nik Hassan tadi, apabila rancangan perumahan 120 yunit hendak dibuat, 1,200

orang memohon, padahal tanah itu belum diratakan. Nampaknya laris betul rancangan perumahan ini. Agak saya kalau Kerajaan banyak wang buat banyak lagi rancangan perumahan ini tidak rugi, bahkan mendapat keuntungan di segenap segi. Satu keuntungan kerana laris banyak orang yang mahu mengguna. Yang kedua, keuntungan juga pada pendapat saya selain daripada boleh diduduki oleh penduduk-penduduk tadi, bolehlah Kerajaan menjadikan satu masyarakat yang berbilang kaum ditempatkan di situ. Saya berharap kepada Kerajaan janganlah menetapkan satu-satu blok ataupun satu-satu tingkat untuk orang Melayu atau orang China sahaja, tetapi kita campurkan mereka supaya menjadi rakyat Malaysia yang ber-satu-padu. Walaupun apa yang dimakan oleh bangsa asing tentu tidak sedap dibau oleh orang Melayu, tetapi kita cari jalan yang sihat supaya perkara-perkara ini tidak akan berlaku.

Saya menyokong pendapat Datuk Nik Hassan tadi, rumah belum siap, tetapi telah berjanji akan diberi kepada sesiapa juga. Ini amatlah berlawanan dengan kehendak keadilan, sebab rumah-rumah ini mendapat sambutan yang hangat. Kadang-kadang orang yang tidak patut dan tidak berhak mendapat—dapat, dan mereka yang dapat tidak duduk di situ seolah-olah ini menjadi Ali-Baba di atas rancangan perumahan. Saya berharap seboleh-bolehnya Kerajaan mengetatkan rancangan ini, orang yang betul-betul berpatutan dapat dan orang yang betul-betul hendak duduk sahaja diberi.

Yang akhirnya sekali berkenaan dengan Akitek. Ada setengah-setengah tempat anjung boleh disambung, ada setengah tempat yang tidak boleh disambung sedikit pun, walhal kalau dikaji, kita yang tidak berkelulusan akitek ini, tempat itu tidak ada perbezaannya, kadang-kadang yang menjadi mangsanya ialah penduduk luarbandar, ataupun kalau yang tinggal di dalam bandar duitnya tidak banyak. Saya berharap supaya perkara ini tidak akan berlaku. Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin berkata kita kekurangan engineer. Saya tidak hendak berbahas dengan peguam dan saya tidak menafikan engineer ini baik, dan saya tidak nafikan akitek ini baik. Akitek dan engineer kalau tidak ada pengalaman, saya fikir tidak mencukupi sebagaimana kata saudara kita tadi dalam Dewan ini air menitik. Kalau dalam Bangunan Parlimen

yang diagung-agungkan oleh seluruh rakyat Malaysia ini bocor, saya tidak yakin langsung akitek itu pandai, tetapi disahkan oleh engineer yang pandai, jadi anih sekali. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kerajaan selain daripada mengambil pendapat-pendapat orang yang bijak-pandai di segi jalan, parit, bangunan dan sebagainya, maka hendaklah juga dikaji pendapat-pendapat umum mana-mana yang berpatutan.

5.36 ptg.

Tuan Yeap Kheng Yam: Saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan Tahun 1974 ini.

Saya cuma ada dua perkara sahaja hendak mengemukakan di Dewan ini untuk perhatian dan untuk penyiasatan Kerajaan.

Yang pertama, ada satu practice yang dijalankan di Bandar Ipoh pada masa sekarang ini iaitu bangunan-bangunan baru yang masih belum dibina itu telah diorder atau dibooked oleh pembeli-pembeli rumah dengan tidak ditetapkan harga, berapa harganya dan cuma ditetapkan apabila bangunan-bangunan yang diorder itu disiapkan, kemudian barulah disertakan dengan harga bangunan itu mengikut keadaan-keadaan harga barang. Ini saya rasa tidak adil dan salah satu masalah hanya menyusahkan kepada pembeli-pembeli sahaja. Saya berharap Kerajaan akan menyiasat tentang hal ini supaya pembeli-pembeli tidak rugi.

Yang kedua, ada juga separuh pihak developer di bandar Ipoh juga membina bangunan-bangunan baru dan dijual kepada pembeli-pembeli itu, dan malangnya geran-geran bangunan itu dimortgage atau dicagar oleh pihak developer yang berkenaan itu kepada bank-bank untuk pinjaman wang supaya dapat wang itu didevelop kepada tempat-tempat lain. Dengan berbuat demikian, pihak developer dapat keuntungan dua kali dan pembeli-pembeli berkenaan itu rugi dan jadi mangsa. Perkara seperti tersebut itu sangatlah tidak sihat dan tidak patut kepada pembeli-pembeli. Saya harap Kerajaan akan menyiasat tentang hal ini. Sekianlah sahaja, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

5.40 *ptg.*

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun dan menyokong Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan, 1974, dan suka saya menarik perhatian dalam Dewan yang mulia ini iaitu bersangkutan dengan perkara ini kalau dibawa ke negeri saya, Perlis maka bangunan-bangunan ini boleh dikatakan sedang rancak didirikan, tetapi di dalam masa mendirikan ini banyak perkara-perkara yang pemohon-pemohon tidak puas hati berbangkit.

Sungguhpun begitu, kita percaya Rang Undang-undang ini boleh dikatakan lengkap, tetapi saya suka membawa perhatian atas kelambatan-kelambatan yang berlaku di dalam masa permohonan yang dibuat iaitu berkenaan dengan kelambatan-kelambatan mendapatkan pelan-pelan ubah syarat. Ini semuanya terdapat di dalam permohonan-permohonan untuk membina bangunan-bangunan. Maka di dalam soal ini Bahagian Majlis Bandaran, Penasihat-penasihatnya adalah terdiri daripada Pengarah Jabatan Kerja Raya, Pengarah Kesihatan dan juga Pengarah Tanah dan Galian. Maka pengarah-pengarah ini selalu turut bersama di dalam menimbang satu-satu permohonan berkenaan dengan bangunan-bangunan di dalam Majlis Bandaran, tetapi permohonan-permohonan yang dibuat oleh satu-satu pihak ialah ditujukan kepada Majlis Bandaran. Kelambatan yang berlaku ini tidaklah disalahkan kepada pihak-pihak yang berkenaan yang saya sebutkan tadi, tetapi disalahkan kepada Majlis Bandaran.

Yang sebenarnya, kesalahan ini adalah berlaku di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi iaitu di Jabatan Kerja Raya, Kesihatan dan terutama sekali ialah di Jabatan Pengarah Tanah dan Galian. Kelambatan-kelambatan ini kadang-kadang sebagaimana yang telah disuarakan ataupun disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan ialah fail-fail yang selalu ketinggalan dan begitu juga kelambatan yang berlaku di dalam masalah kekurangan kakitangan khususnya. Dengan kerana kekurangan kakitangan inilah, maka perjalanan-perjalanan ini menjadi lambat. Di dalam masalah ini kita berharap kepada pihak-pihak yang berkenaan akan mengambil tindakan yang tegas supaya perkara-perkara pembangunan ini atau bangunan ini dapat dijalankan

dengan licin dan tidak menyusahkan orang ramai ataupun rakyat yang berkehendakkan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan mengubah syarat tanah ini kita cukup hairan sepertimana tanah-tanah bendang. Di Perlis banyak tanah-tanah bendang di tepi-tepi jalan sekarang ini telahpun diubah kepada membuat bangunan-bangunan. Mengubah syarat-syarat bendang kepada membuat bangunan memakan masa bertahun-tahun. Inilah satu kerumitan yang berlaku yang terdapat di negeri saya berkenaan dengan perkara pembangunan ini.

Perkara yang selalu berbangkit ialah bersangkut dengan bangunan-bangunan yang telah siap. Dengan adanya Undang-undang ini barangkali kita percaya apabila berjalan kuatkuasanya, maka perkara itu tidak akan berlaku, kerana undang-undang ini akan berjalan sama di seluruh Malaysia ini. Bagi negeri-negeri mengikut Majlis Bandaran atau Majlis Tempatan manakala siap bangunan-bangunan itu, terutama parit-parit, jalan-jalan di kawasan bangunan itu tidak begitu memuaskan dan begitu juga selalu membangkitkan salah faham di antara penduduk-penduduk rumah itu berkenaan dengan jalan-jalan yang tidak dibuat dengan mencukupinya. Di dalam soal ini kita berharap pada masa yang akan datang menakala undang-undang ini telah berjalan kuatkuasanya, maka perkara-perkara ini tidak akan berlaku, dan segala jalan-jalan yang akan dibuat dalam kawasan-kawasan bangunan itu, jalan-jalan yang sama luasnya dan parit-parit yang dapat mengalirkan air yang baik yang tidak bertakung dengan tidak tentu hala, sebab di luar bandar tentulah keadaan bangunannya berlainan. Sungguhpun disebutkan di dalam Majlis Bandaran, tetapi boleh dikatakan kawasan-kawasannya masih belum begitu banyak bangunan-bangunan rumah yang didirikan, maka bangunan-bangunan yang dibuat oleh kontraktor-kontraktor ini tidaklah memuaskan, sebagaimana yang saya sebutkan tadi berkaitan dengan beberapa perkara.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan nama-nama jalan sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dalam Dewan ini tadi dan juga nama-nama tempat itu kita tidak mahu lagi nama-nama

penjajah. Kita harap pada kali ini nama-nama itu dapat ditentukan dengan nama-nama yang mencerminkan Malaysia kita ini. Sebab nama-nama ini telah dibuat mengikut sesuka hati kontrektor yang membuat bangunan di tempat itu dengan tidak melalui Negeri ataupun Majlis-majlis Tempatan.

Itulah sahaja dan saya menyokong Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan ini diluluskan.

5.47 ptg.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini seperti rakan-rakan saya di Dewan ini. Tidaklah ragu-ragu bahawa Rang Undang-undang seperti ini ialah satu Rang Undang-undang yang sangat berguna dan haruslah diterima bukan sahaja oleh Dewan ini, tetapi juga negara kita.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah mempersatukan peruntukan-peruntukan yang diadakan pada masa sekarang ini di bawah pelbagai undang-undang yang lain seperti yang disebutkan dalam Rang Undang-undang ini. Peruntukan-peruntukan dalam undang-undang ini sebenarnya bukanlah undang-undang yang baru. Sungguhpun begitu, adalah beberapa tempat dalam undang-undang ini Kerajaan telah juga meluluskan sedikit dengan memperbaiki provision atau peruntukan-peruntukan di dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya hendak bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris dengan lebih teliti lagi.

(Dengan izin) This is a Bill which is consolidating existing provisions. These provisions are to be found in different Ordinances and Acts. They are namely the Town Boards Enactment, Cap. 137, the Municipal Ordinance, the Johore Town Boards Enactment and other legislations. But they are to be found in various legislations. For the purpose of uniformity and consolidation, the Government has brought them all under the framework of this Bill which in itself is a good thing. It is certainly a legislative improvement and some of the provisions that are to be found here are those introduced during the Emergency time under the administration of the N.O.C. They are provisions relating to buildings. We all knew that before the Emergency, before 1969, we had a chaotic situation. Throughout

the country buildings were erected by many people regardless of laws. They were called "lightning houses" or rumah kilat. These houses sprung up all over the places, right in the hearts of towns and outside towns and they created problems—they created overcrowding, congestions, traffic problems, health problems and so on.

It was during the Emergency that the Government really grappled with it and brought some solution and the decrees introduced during Emergency are to be found in this Bill. In fact, we have seen a great deal of improvement in the Federal Capital. In many places in the Federal Capital today we do not see the kind of sight we had some years ago. We used to see attap huts coming up in private properties or on the State land overnight. These naturally affected the good impression of the Federal Capital. Today the Federal Capital is considered as one of the cleanest cities in Asia. Most tourists who come to Malaysia are very much impressed by the standard of law and order, the way that our towns are maintained and the atmospheric cleanliness. All these things have added credit to the Administration as a whole. Having gained this experience it is only proper and prudent that it should be permanently consolidated so that further progress can be made from what we have achieved. And not merely Kuala Lumpur, one is really proud to see that even other smaller towns are catching up with the style and that Kuala Lumpur has set. Most of the State capitals are looking now brighter, cleaner and prettier. We see gardens growing up, parks growing up and along the roads plants are growing up and this beautification is something that has certainly improved the atmosphere of our cities and towns. We can certainly be proud by Asian standards and I think we are even cleaner than many of the cities in the West and I am saying it with all earnestness—because there are many cities and towns in the West which are not at all clean. So this Bill to some extent will help towards this problem, by seeing that our streets are developed in an orderly fashion, they are maintained in a civic like manner, our buildings are also similarly built and maintained and not merely the authorities but also the people have their role to play in this.

The effective instrument that is to put this legislation into practice is the local authority. In our link of the Government the local government is the weakest link at the moment. We have two strong links, the Federal Government and the State Government. The other link which is at the ground level, the local government link, is the weakest. It has to be activated, it has to be strengthened, the participation and the involvement of the people in the affairs of the local authority or government will have to be brought in and guided on the right line. For this purpose, the country has gone through a great deal of exercise; it has spent tax-payers' money in trying to identify the problem and seek solutions for the problem. To some extent the problem has been met by a new piece of legislation relating to local authorities by restructuring the local authorities in this country. Unless the local authority itself is strongly revived, a legislation like this will not have a meaningful effect, because every provision in this Bill will have to be enforced by a local authority. At the moment, the local authorities that are functioning reasonably efficiently are those authorities in major towns. But down below in the smaller areas and in the smaller towns the local authorities are not really functioning. If we are to give a meaningful effect to this Bill, then the local authorities throughout the country must be revived as early as possible.

Local authority is defined in this Bill as city council, municipal council, town council, town board, local council, rural board or similar local authority. In fact, many of these diversified local authorities would be consolidated in the new exercise that is to be brought about under the new legislation. Structurally, there would be some reform made towards greater consolidation of administration and this would help towards the improvement in the administration of local government matter including the provision of this Bill.

The Ministry itself has to be revived. At the moment, it is one of the Cinderella Ministries. The Commissioner for Local Government and his Department will have to be strengthened so that he and his Department can see to the consolidation of local authorities in the country under the new legislation.

The Government has set its policy and the policy has been made known. What is important immediately is the very structure coming into action itself and then is the question of participation. Participation of the public in it can be either through nomination or through election. The Government at this stage considers that it would be desirable to bring in participation by nomination. If this is intended, then it should be enforced as quickly as possible so that even through nomination, people will have participation in the affairs of the local government at ground level so that they can feel a sense of civic responsibility, they can feel that they have a role to play in the affairs of their respective areas, whether these areas are big or small. They can have a sense of local identity by passing racial feeling; they can get together on a multi-racial basis through the local authority and have a sense of national purpose and unity through local government. I hope the Ministry will do everything necessary to vitalise the local government system in this country so that not merely the provisions of this Bill but also other services can be channelled effectively through the local government system in Malaysia. As far as the provisions are concerned, many of these provisions are quite normal.

I would like to make one or two observations in respect of Clauses 46 and 47. Clause 46 deals with obstruction and Clause 47 deals with depositing dirt on streets, etc. In the case of obstruction, there is still a good deal of obstruction on our streets. The definition of streets includes footways and along the footways, even to this day, there are lots of obstructions. People are doing trading on footways, thereby causing obstructions to passers-by and without even paying the normal dues to local authorities. This problem has been reduced to some extent but it is still there, that many of our people still have not got used to the idea that they must subject themselves to some kind of orderly trading in the country though they are slowly being educated.

The other is under Clause 47, throwing of the litter. Of course it covers everything possible. It says:

“Any person who places, deposits or throws or causes or allow to be placed,

deposited or thrown any dust, dirt, paper, ashes, carcase, refuse, boxes, barrels, bales or other article”

If it is thrown on the street, it is an offence and it carries a fine not exceeding \$500. If a person throws a cigarette stub, he commits an offence. Now this is a minor offence, a statutory offence but the procedure for preventing this offence seems to me to be a little harsh. If a person throws ash on the street, technically speaking, or a piece of paper on the street, under Clause 47, or he obstructs under Clause 46 by depositing some goods or article, under both these Clauses, he is guilty of an offence and he can be arrested, and he can be arrested without any warrant. He can be arrested by a police officer or by any officer or employee of the local authority authorised in writing in that behalf by the local authority and taken before a Magistrate's Court and shall be liable on conviction to a fine not exceeding \$1,000 in the case of a second or subsequent conviction; in the case of a first offence, it is \$500.

Now, we followed this when Singapore brought about a similar legislation against throwing litter on the streets. It was enforced for a while in the Federal Capital. After that, there was a relaxation and subsequently we have not heard anybody being brought to court for throwing litter on the street. I think the Municipality has sort of lapsed about it. While we want the local authorities to be vigilant and enforce the law strictly, what is a little alarming is the way that a person can be arrested without warrant. I would like to see a lighter provision like in the case of a traffic offence. If the person commits a minor traffic offence, he can be given a ticket, he can be given a summons so that he has to appear later on in court rather than be arrested without warrant on the spot and then taken to the local authority and then from there to be brought to the court if he does not give his address or name.

It is said somewhere later on, under Clause 125, that he may be detained until he gives his name and address, but it goes on to say that no person shall be detained longer than is necessary for bringing him before a Court unless the order of a Court for his detention is obtained. Of course, the authorities will have to keep in mind that

under the Constitution no person can be detained for more than 24 hours if he is arrested and he shall have to be brought before a Magistrate. So, one cannot say that he shall be kept as long as it is necessary. The question of necessity is within the framework of 24 hours only under the Constitution after arresting a person. While the Bill itself says that these are minor offences—it says in the Explanatory Note that those are minor offences—I do not know why these stringent provisions should be made, even employing officials of the local authorities to arrest people without warrant and bringing them to court. This seems to me to be a little stringent. We could probably find some other means of making it deterrent.

Then, again, on the question of “public place” for the purposes of Clauses 46 and 47, it says under Clause 47 that if any person dries any article of food or other article or thing in any public place, then he commits an offence. And the “public place” is defined under Clause 48. Clause 48 says that a “public place” includes many things including river banks. If somebody dries something on a river bank, technically an offence is committed and then that person can be arrested without warrant and brought to Court. In view of the wideness of the definition of “public place” and if the authorities want to strictly enforce the law if they mean it, then they have to enforce it; otherwise it is no use of making provisions so widely and then not enforcing it. That is where people begin to develop a disrespect for the law. If we put in all these wide provisions making almost every conceivable act as an offence and then we do not enforce it because it would cause hardship to the people, then why not we be realistic and limit it in such a way and see that everybody follows it strictly. In this country, a lot of people do dry things openly. Many washermen dry their clothes in public places sometimes. An open space which may be a State land is a public place; it may be a part of the river bank and the people concerned may not be causing any disturbance to anybody. But if an over-active or an over-zealous local authority official wants, he can of course go and arrest a person without warrant and bring him up to the Court. This seems to be a little bit not proportionate to the kind of the alleged offence and the way the deterrent

is being carried out. Of course, we can expect the authorities to be reasonable and use their discretion. But my argument is that if we make it so wide and then we use our discretion not to enforce the law in most cases, then people develop a disrespect for the law, because they know that the Government does not intend to put teeth into the enforcement of the law that one can break the law and get away with it. So, it works the other way round. So, I think the effectiveness of the law is important, and it has got to be introduced in a such a way that it is meant to be followed and meant to be enforced otherwise the wideness of it should be limited to reasonable proportions.

Apart from these, Sir, I have no other comments to make. I welcome this Bill as a good piece of legislation.

6.16 ptg.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil peluang sedikit berucap dalam perbahasan Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan 1974 yang telah dikemukakan sekejap tadi. Undang-undang ini memang telah kena pada tempat dan masanya dikemukakan, kerana sebagai yang kita terlibat tujuan yang besarnya ialah untuk menyatukan Undang-undang Kerajaan Tempatan yang pada masa dahulu adalah berlainan di antara satu tempat dengan satu tempat yang lain, seumpamanya di negeri-negeri yang Bersekutu lain undang-undangnya, Melaka lain, di Johor lain dan di Kuala Trengganu juga lain mengikut keadaan tempat masing-masing. Dengan adanya undang-undang ini untuk menyatukan segala peraturan-peraturan memanglah sangat-sangat dialu-alukan, dan kita menyokong dengan sepenuh-penuhnya.

Menyentuh beberapa perkara dalam tujuan undang-undang ini, misalnya, berkenaan dengan jalan-jalan, perkara jalan ini adalah satu perkara yang agak rumit juga. Saya beri satu contoh pada masa dahulu semua tanah-tanah: kita tak usah kira di luarbandar, dalam bandar diberi (alienated) kepada orang atau pemohon-pemohon dengan cara yang tidak begitu teratur dan tersusun, mengikut pada masa dahulu orang ini minta terapa luas atau berapa besarnya, maka diberilah mengikut keadaannya dengan tidak ada satu peraturan yang sempurna. Dengan sebab itu, tidak ada pula dirizabkan

untuk jalan-jalan supaya orang-orang yang di belakang, misalnya, di lapisan kedua, lapisan ketiga senang lalu-lintas dengan tidak ada apa-apa halangan dan rintangan. Maka dengan sebab keadaan-keadaan yang seumpama ini berlakulah kesulitan-kesulitan pada masa ini, kerana pesatnya pembangunan di segenap ceruk dan rantau tanah-air kita, bukan sahaja di tengah bandar, di tengah shopping area misalnya, tetapi juga membawa kepada di luar-luar sedikit iaitu di pinggir-pinggir bandar, semua penduduk-penduduk ini telah mulai hendakkan perubahan, cara penghidupan yang teratur, susunan rumah-tangga mengikut yang cara moden sedikit atau dengan mempunyai segala alat-alat kebersihan dan sebagainya. Dan dengan ini maka datanglah permohonan-permohonan kepada Kerajaan untuk membina jalan approach road daripada jalan besar (main road) ke jalan-jalan belakang, jalan-jalan kecil. Maka bila ada permohonan-permohonan seumpama ini datanglah kesulitan yang amat berat yang terpaksa dihadapi dan ada setengah-setengahnya hingga mengagalkan rancangan itu, iaitu pihak Kerajaan tidak dapat hendak membina jalan-jalan approach road ini kalau tidak dipersetujui oleh tuan-tuan punya tanah, kecuali dengan jalan acquisition. Maka cara hendak mengambil balik ini ada pula kenamengannya dengan Undang-undang Tanah (Land Rules) masing-masing, syarat-syaratnya, pengistiharan dan sebagainya yang mengambil masa 7 hingga 8 bulan tidak boleh selesai, bahkan ada yang bertahun-tahun.

Saya telah cuba bertanya dan merisikkan perkara ini, ada atau tidak ada jalan bila datang masalah-masalah yang seumpama ini dapat kita selesaikan dengan sebab mementingkan keperluan orang-ramai, supaya tuan-tuan tanah yang degil yang tidak mahu membenarkan tanahnya yang duduk di muka jalan diambil oleh Kerajaan untuk dibuat jalan dengan senang dan cepat, dibuat dengan secara short-cut atau cara mana yang boleh diambil dengan tidak payah acquisition mengikut peraturan-peraturan biasa. Maka jawapan yang didapati daripada pihak yang berkuasa tidak ada. Mesti melalui syarat-syarat yang terkandung dalam Land Rules tadi. Dengan kerana itu, maka rancangan-rancangan ini tergendala. Orang belakang bertemppek, merayu dan sebagainya, tetapi oleh kerana satu orang sahaja yang

degil tidak dapat hendak dilaksanakan. Itu salah satu perkara yang saya rasa pihak yang berkuasa mengambil ingatan cuba mencari jalan supaya masalah-masalah seumpama ini dapat kita atasi. Dengan cara itu, masalah penduduk-penduduk yang mahukan kepada kemajuan dan pembaikan hidup mereka tidak tergendala dan dapat disempurnakan.

Berkenaan dengan parit ataupun longkang-longkang ini adalah satu masalah yang besar dan sangat perlu dan penting. Kita tahu di Kuala Lumpur ini sendiri, bila hujan dua jam sahaja sebelah petang di Jalan Bangsar sudah bah, Jalan Ipoh juga kereta tidak boleh lalu. Kadang-kadang kereta berderet-deret berhenti, sampai berjam-jam tidak boleh jalan. Apa sebabnya? Salah satu daripada sebab-sebabnya ialah kerana longkang. Pada pendapat saya, Kuala Lumpur ini sendiri longkang-longkang belumlah cukup. Ini bererti Kerajaan sendiri belum lagi menyempurnakan tanggungjawabnya dengan sepenuhnya, dalam Wilayah Persekutuan ini sendiri. Wilayah Persekutuan untuk menyesuaikan dengan keadaannya, dengan statusnya sebagai sebuah Ibukota yang besar di Tenggara Asia ini dan telah masyhur patutlah segala keperluan ini disediakan. Longkang-longkang besar di bawah tanah mestilah diadakan di segenap pelusuk atau di sekeliling bandaraya Kuala Lumpur ini supaya dengan jalan itu semua air-air hujan ataupun air daripada mana jua dapat meresap dengan serta-merta dan tidak menjadi tersekat kepada lalu-lintas apabila berlaku hujan. Terutama sekali kita tahu pada masa sekarang, kalau dahulu jarang-jarang ada hujan dalam bulan Jun dan Julai, tetapi sekarang ini boleh dikatakan hari-hari. Ini disebabkan barangkali juga keadaan kemajuan negara kita telah begitu ke hadapan sekali. Semua hutan-hutan pokok kayu telah ditebang dan telah didirikan rumah batu dan telah menjadi terang-benderang maka dengan itulah air-air ini cepat datang. Ini masalah Kuala Lumpur.

Masalah di bandar-bandar pula, di negeri-negeri, ini juga berlaku. Longkang inilah yang paling rumit dan menjadi sungutan yang paling kerap diterima oleh pihak-pihak berkuasa tempatan. Kerajaan atau pihak-berkuasa tempatan sendiri mengenakan syarat kepada siapa juga yang hendak membuat rumah, bukan khas kepada pemaju rumah sahaja, pemaju rumah, barangkali dia besar, banyak satu-satu kali dia buat dan belanjanya pun banyak tetapi kalau orang perseorangan, yang hendak membuat rumah sekalipun dikenakan syarat mesti membina longkang di keliling rumahnya. Tetapi sebenarnya, ada setengah tempat, banyak longkang-longkang yang dibina itu jadi seperti kata orang pintu gerbang Ali Baba. Maknanya, tiang pintu gerbang itu ada, tetapi penutupnya tidak ada, atau dengan lain perkataan longkang yang dibuat di rumah-rumah orang perseorangan ada, tetapi air hendak mengalir ke longkang besar tidak ada. Jadi bertakung di keliling rumah hingga jadilah ia sarang-sarang nyamuk yang boleh jadi nyamuk aedes pun ada, saya tidak tahulah. Ini yang telah berlaku.

Masalah ini patutlah pihak-berkuasa tempatan mengambil daya utama dengan bersungguh-sungguh supaya longkang-longkang di segenap jalan-jalan besar itu mesti disediakan dan baharulah dapat kita kenakan syarat yang ketat kepada pembina-bina rumah, samada pembina rumah itu rumah persendirian ataupun rumah-rumah untuk diperjual-belian.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pendirian rumah-rumah ini pula, ada beberapa syarat yang saya rasa tidak patut dikenakan oleh pihak yang berkuasa kepada pembina-pembinanya. Salah satu daripadanya ialah berhubung dengan peruntukan tempat bagi membina bangunan pembekal letrik. Misalnya ada satu pemaju rumah hendak membina 10 atau 15 buah rumah, bahkan 10 buah sekalipun sudah kena syarat itu sipemaju tadi dikehendaki menyediakan satu kawasan tanah supaya

boleh digunakan oleh pihak Lembaga Letrik Negara bagi membina sub-station untuk memberikan kuasa letrik kepada rumah-rumah yang akan dibina itu. Kita tahu pada masa sekarang Kerajaan sendiri-pun terpaksa mengadakan Act dan sebagainya. Kenapa? Kerana harga tanah amat mahal pada hari ini. Jadi

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang esok, 21hb Mei, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.